

PARLIMEN MALAYSIA

MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERTAMA PARLIMEN KEDUABELAS 2008

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN
JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK
DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN
RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN

ISNIN: 23 JUN 2008

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 10, 12 HINGGA 96)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9 DAN 11
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

SOALAN NO: 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM
[BERUAS]**

TARIKH : 23 JUN 2008

RUJUKAN : 1033

Soalan:

Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah anggota polis dalam negara ini mengikut pangkat dan agihan mereka mengikut negeri.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B dari Beruas yang mengemukakan pertanyaan.

Sehingga 31 Mei 2008, jumlah keanggotaan beruniform Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah seramai 96,378 orang. Daripada jumlah tersebut, pecahan mengikut kategori pangkat adalah seperti berikut;

Bil	Pangkat	Jumlah
1.	Pegawai Kanan	9,711
2.	Pegawai Pangkat Rendah Polis dan Konstabel Polis	79,412
3.	Pegawai Pangkat Rendah Polis (Tambahan) dan Konstabel Polis Tambahan	7,255
JUMLAH BESAR		96,378

Pecahan bilangan keanggotaan mengikut Kontinjen dan Formasi pula adalah seperti berikut:

Bil	Kontinjen / Formasi	Jumlah Keanggotaan
1.	Bukit Aman dan Formasi	32,406
2.	Johor	6,341
3.	Kedah	4,579
4.	Kelantan	3,470
5.	Kuala Lumpur	6,327
6.	Melaka	2,246
7.	Negeri Sembilan	3,144
8.	Pahang	4,250
9.	Perak	6,927
10.	Perlis	1,450
11.	Pulau Pinang	4,162
12.	Selangor	9,255
13.	Terengganu	2,368
14.	Sabah	4,508
15.	Sarawak	4,945
Jumlah Besar		96,378

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN MAHFUZ BIN OMAR
(POKOK SENJA)
TARIKH : 23 JUN 2008 (ISNIN)

SOALAN:

Tuan Mahfuz bin Omar (Pokok Senja) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah kompleks sukan komuniti yang dilaksanakan oleh Kerajaan mengikut negeri di seluruh negara.

JAWAPAN

Dalam tempoh RMKe-9, Kementerian Belia dan Sukan merancang menyiapkan 19 buah Kompleks Sukan Komuniti (KSK) di seluruh negara.

Jumlah KSK Mengikut Negeri

1. Perak – 4 buah
2. Selangor – 2 buah
3. Negeri Sembilan – 2 buah
4. Melaka – 1 buah
5. Pahang – 1 buah

6. Terengganu – 1 buah
7. Johor – 6 buah
8. Sabah – 1 buah
9. Sarawak – 1 buah

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK JUSLIE AJIROL (LIBARAN)

TARIKH : 23 JUN 2008 (ISNIN)

SOALAN : 13

Datuk Juslie Ajirol (Libaran) minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kadar kemalangan di jalan raya terutama musim perayaan pada tahun 2003, 2004, 2005, 2006 dan 2007 mengikut negeri dan berapakah kos promosi mencegah kemalangan pada setiap tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Terdapat empat jenis kemalangan yang berhubung kait kepada perangkaan jumlah kemalangan jalan raya, iaitu kemalangan maut yang melibatkan kematian, kemalangan parah yang melibatkan kecederaan parah, kemalangan ringan yang melibatkan kecederaan ringan dan kemalangan rosak harta benda sahaja dan tiada kecederaan.

Berhubung dengan jumlah kemalangan jalan raya pada musim perayaan, berdasarkan perangkaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk tahun 2003 adalah sebanyak 22,406 kes iaitu semasa Ops Sikap 4 dan 5, tahun 2004 sebanyak 23,090 kes (Ops Sikap 6 dan 7), tahun 2005 sebanyak 24,904 kes (Ops Sikap 8 dan 9), tahun 2006 sebanyak 28,869 kes (Ops Sikap 10 dan 11) dan tahun 2007 sebanyak 30,841 kes iaitu semasa Ops Sikap 12 dan 13.

Tuan Yang Dipertua,

Jika dilihat dari trend kemalangan jalan raya semasa musim perayaan, jelas terdapat peningkatan dan ini adalah disebabkan oleh peningkatan bilangan kenderaan setiap musim perayaan dan peningkatan kemalangan rosak harta benda. Namun begitu, bilangan kemalangan maut pada musim perayaan menunjukkan trend yang mendatar iaitu 360 kes kemalangan maut pada tahun

2003, 342 kes pada tahun 2004, 372 kes pada tahun 2005, 418 kes pada tahun 2006 dan 394 kes kemalangan maut pada tahun 2007.

Walaupun jumlah kemalangan jalan raya meningkat, bilangan kematian kemalangan jalan raya pada musim perayaan masih lagi rendah berbanding hari-hari biasa iaitu 13 hingga 15 kematian sehari semasa musim perayaan berbanding 17 kematian sehari pada hari-hari biasa. Penurunan bilangan kematian ini adalah disebabkan langkah-langkah intervensi yang diambil oleh Kementerian ini bersama PDRM seperti peningkatan penguatkuasaan, kempen-kempen keselamatan jalan raya dan *modal shift* daripada kenderaan persendirian kepada kenderaan pengangkutan awam. Sekiranya langkah intervensi tidak diambil, maka dianggarkan lebih ramai pengguna jalan raya akan terkorban iaitu antara 20 hingga 22 kematian setiap hari semasa musim perayaan.

Tuan Yang Dipertua,

Buat masa ini Kementerian Pengangkutan hanya mempunyai perangkaan kemalangan jalan raya semasa musim perayaan bagi seluruh negara dan Kementerian ini sedang berusaha untuk mendapatkan perangkaan tersebut mengikut negeri seperti yang dipohon oleh Yang Berhormat.

Berhubung dengan kos kempen keselamatan jalan raya, Kementerian ini telah membelanjakan sebanyak RM12 juta bagi tahun 2003, RM19 juta bagi tahun 2004 hingga 2005, RM41 juta bagi tahun 2006 dan RM45 juta bagi tahun 2007. Peningkatan kos kempen keselamatan jalan raya ini adalah disebabkan kekerapan iklan di televisyen yang sememangnya memerlukan kos yang tinggi. Di samping itu, Kementerian ini juga telah melancarkan kempen melalui akhbar, laman web, pameran bergerak dan program khusus musim perayaan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : 23 JUN 2008

SOALAN

Y.B. Dr. Tan Seng Giaw [KEPONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat mana Jawatankuasa Kabinet Membendung Inflasi dapat mengatasi inflasi di negara ini. Adakah beliau sedar bahawa rakyat memang mengalami kesusahan akibat kenaikan harga barang-barang yang berbeza dengan kadar inflasi rasmi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Tekanan inflasi yang disebabkan fenomena kenaikan harga minyak dan makanan dirasai di seluruh dunia dan Malaysia tidak terkecuali daipada mendapat kesan akibat fenomena ini. Kerajaan telah dan akan

melaksanakan program-program yang dapat meringankan beban rakyat. Antara langkah tersebut termasuklah:

- i. Mengekalkan beras Super Tempatan 15% sebagai beras yang dikawal harga antara RM1.65/kg hingga RM1.80/kg. Disamping itu, menetapkan harga siling beras Super Special Tempatan 5% pada RM2.80/kg dan beras Super Special Tempatan 10% pada RM2.70/kg. Bagi meringankan beban pengguna Kerajaan juga akan membelanjakan sekurang-kurangnya RM725 juta untuk 500,000 tan metrik beras import sebagai subsidi bagi mengekalkan harga beras runcit;
- ii. Mengekalkan subsidi gas masak pada RM1.75 sekilogram bagi mengurangkan beban isirumah;
- iii. Kerajaan juga memberi rebat tunai RM625 bagi kereta persendirian 2000 cc dan ke bawah, jip dan pick-up 2,500 cc dan ke bawah serta RM150 bagi motosikal persendirian berkapasiti enjin sehingga 250 cc bagi menampung sebahagian daripada perbelanjaan tambahan ke atas penggunaan petrol;
- iv. Meningkatkan kuota kemudahan kad *fleet* kepada pengusaha pengangkutan awam serta mengekalkan subsidi diesel dan NGV pada RM1.43 seliter dan RM0.635 seliter serta supaya tambang pengangkutan awam dapat dikekalkan;
- v. Mengekalkan tarif elektrik yang sedia ada bagi isirumah yang menggunakan 200 kwh dan ke bawah supaya sebahagian besar pengguna domestik tidak terjejas di bawah tarif baru; dan

- vi. Meningkatkan jaringan keselamatan sosial melalui bantuan kepada golongan miskin dan memerlukan, termasuklah bantuan kanak-kanak, bantuan orang tua, elaun kepada OKU, program meningkatkan kualiti hidup Masyarakat Orang Asli, peluasan skop dan operasi AIM melalui Program Kewangan Mikro Bandar dan menaikkan kadar kelayakan pendapatan isirumah daripada RM400 sebulan kepada RM700 sebulan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB Mohd Yusmadi Mohd Yusoff (Balik Pulau)

TARIKH : 23 JUN 2008

SOALAN : **YB Mohd Yusmadi Mohd Yusoff (Balik Pulau) minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan:-**

- (a) siapa yang menyediakan pendapat undang-undang (*legal opinion*) untuk Kerajaan Malaysia di dalam kes Batu Puteh di Mahkamah Keadilan Antarabangsa; dan
- (b) sama ada telah terdapat pertimbangan mendalam tentang sama ada pihak Malaysia mempunyai bukti yang cukup untuk dikumpulkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada YB Balik Pulau di atas soalan-soalan yang telah dikemukakan.

2. Semasa perbicaraan kes ini yang telah berlangsung dari 6 hingga 23 November 2007 yang lalu, pasukan Malaysia diketuai oleh Y.Bhg. Tan Sri Abdul Kadir Mohamad sebagai agen Malaysia untuk kes ini ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) merangkap Penasihat Hal Ehwal Luar Negeri kepada Y.A.B. Perdana Menteri, Y.Bhg Dato' Noor Farida Ariffin, Agen Bersama dan disertai oleh Peguam Negara, panel penasihat undang-undang antarabangsa serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Luar Negeri, Majlis Keselamatan Negara, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Jabatan Ukur dan Pemetaan, Jabatan Arkib Negara, Jabatan Laut, Pusat Hidrografi Nasional dan Universiti Kebangsaan Malaysia bagi bersama-sama mempertahankan hak dan kedaulatan negara sepanjang perbicaraan kes tersebut.

3. Dalam hal ini, pakar perundangan antarabangsa telah dilantik untuk membantu negara dengan segala kepakaran mereka dalam menyediakan kes Malaysia di ICJ serta memberikan nasihat perundangan dan juga bimbingan dalam kerja-kerja penyelidikan

berhubung kes ini. Panel penasihat perundangan antarabangsa ini adalah merupakan pasukan yang hampir sama dengan mereka yang telah berjaya membantu negara mengekalkan kedaulatan terhadap Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan di Mahkamah yang sama. Tiga daripada panel penasihat undang-undang antarabangsa ini jugalah yang telah membantu negara memenangi kes kedaulatan ke atas Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan di ICJ pada 17 Disember 2002. Mereka yang dimaksudkan adalah Professor Sir Datuk Elihu Lauterpacht dan Professor Datuk James Crawford yang merupakan pakar undang-undang antarabangsa terkemuka *Cambridge University* dan Professor Datuk Nicolaas Jan Schrijver dari *Leiden University*. Dua orang pakar lagi yang dilantik untuk kes Batu Puteh ini adalah Professor Marcelo G. Köhén dari *Graduate Institute of International and Development Studies, Geneva* dan Cik Penelope Nevill dari *Cambridge University*.

Tuan Yang Di-Pertua,

4. Malaysia dan Singapura bersetuju untuk merujuk kes kedaulatan ke atas Batu Puteh ini ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) sebagai jalan terakhir demi mencari penyelesaian damai berhubung isu ini, berikutan kegagalan penyelesaian isu ini melalui beberapa siri rundingan dengan negara tersebut.

5. Dari segi kekuatan bukti dan hujah, pasukan Malaysia percaya bahawa kita telah melakukan segala apa yang perlu dilakukan untuk

mempertahankan kedaulatan Malaysia ke atas Batu Puteh. Dalam hal ini, kita tidak sewajarnya menuding jari kepada pasukan Malaysia yang bekerja keras demi mempertahankan kedaulatan negara untuk mempertahankan kes Malaysia di ICJ. Kesungguhan pasukan Malaysia dalam menyediakan negara bagi menghadapi kes ini terbukti dengan segala usaha penyelidikan dan pengumpulan bukti-bukti kes Malaysia secara berterusan selama hampir 30 tahun sehingga ke saat-saat akhir sebelum perbicaraan. Usaha berterusan dan penuh kesungguhan ini semasa persediaan kes sama ada di peringkat penyelidikan mahupun persediaan pliding-pliding bertulis dan semasa perbicaraan lisan di ICJ melibatkan ramai pegawai dari pelbagai agensi Kerajaan; para penyelidik yang dilantik; pakar-pakar dalam bidang tertentu dan penasihat undang-undang antarabangsa Malaysia yang terkemuka yang telah mempamerkan kecemerlangan dalam mengemukakan kes Malaysia di ICJ.

SOALAN NO. (16)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK CHUA SOON BUI
(TAWAU)
TARIKH : 23 JUN 2008 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. DATUK CHUA SOON BUI (TAWAU) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- a) Bagaimanakah keberkesanannya Program Pembasmian Kemiskinan Bandar dalam mengurangkan kadar kemiskinan bagi dua tahun yang lalu di Sabah; dan
- b) Berapakah jumlah keluarga di Tawau yang telah mendapat manfaat daripada program tersebut dengan angka analisis mengikut kumpulan kaum.

Jawapan bagi Soalan bahagian (b),

Bagi kawasan Tawau, sejumlah 505 keluarga miskin bandar telah menerima pelbagai jenis bantuan di bawah PPKB yang terdiri daripada 358 keluarga miskin dan 147 miskin tegar. Ke semua keluarga terlibat adalah Bumiputra Sabah.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2008

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **Bagi Jawab Lisan**

DARIPADA : **Datuk Hj Rahman bin Dahlan
[Kota Belud]**

TARIKH : **23 Jun 2008 (Isnin)**

SOALAN : **18**

Datuk Hj Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula kos pengangkutan kargo dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak bagi menyeragamkan harga barangan di seluruh negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Tambang Kapal atau fret adalah ditentukan oleh pertimbangan komersial dan berlandaskan kepada kuasa pasaran. Kementerian Pengangkutan tidak bercadang untuk mengawal tambang kapal pada ketika ini.

Fret untuk mengangkut kargo hanyalah sebahagian daripada komponen kos dalam keseluruhan rangkaian logistik yang juga melibatkan kos gudang, pengedaran, pengangkutan darat dan caj perkhidmatan pelabuhan. Oleh yang demikian, harga fret bukan satu-satunya faktor yang menyebabkan harga barang yang tinggi di Malaysia Timur. Walau bagaimanapun, untuk makluman, kerajaan juga sedang meneliti perkara ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN ABD. RAHMAN BIN BAKRI
(SABAK BERNAM)**

TARIKH : 23 JUN 2008 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. TUAN ABD. RAHMAN BIN BAKRI (SABAK BERNAM) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** sejauh mana Kerajaan menjalankan usaha-usaha menyediakan rumah untuk pasangan muda yang telah berumahtangga khususnya bagi kawasan bandar, untuk mengurangkan tekanan hidup dan masalah sosial khususnya yang berpendapatan rendah.

SOALAN NO : 20

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MD.SIRAT BIN ABU
BUKIT KATIL

TARIKH : 23 JUN 2008

SOALAN :

DATUK MD.SIRAT BIN ABU [BUKIT KATIL] MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN BILAKAH CADANGAN PROJEK LEBUH RAYA PANTAI DAN PORT DICKSON KE MELAKA HINGGA KE MUAR AKAN DILAKSANAKAN. BERAPA KOS PROJEK YANG TERBABIT DAN BERAPA RAMAI KONTRAKTOR KELAS F YANG AKAN MENDAPAT PELUANG DARI PROJEK TERSEBUT.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

**UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT,
PROJEK MENAIKTARAF JALAN SIMPANG
AMPAT-ALOR GAJAH-MELAKA-MUAR BARU
DISIAPKAN PADA 12 JULAI 2007 YANG LALU.
JALAN YANG TELAH DINAIKTARAF KE
STANDARD R5 INI BERNILAI RM500 JUTA DAN
MENGHUBUNGGKAN SEMPADAN NEGERI
SEMBILAN (SIMPANG AMPAT), MELAKA
(SELURUH NEGERI MELAKA) DAN JOHOR
(MUAR). JALAN INI DAPAT MENAMPUNG ISI
PADU KENDERAAN UNTUK MENGHUBUNG
ANTARA BANDAR-BANDAR TERSEBUT.**

**OLEH YANG DEMIKIAN, BUAT MASA INI
KERAJAAN BELUM ADA RANCANGAN UNTUK
MELAKSANAKAN PROJEK LEBUH RAYA
PANTAI DARI PORT DICKSON- MELAKA –
MUAR.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : YB TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA
(PADANG TERAP)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 23.06.2008

YB Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah hutang terkini Kerajaan-kerajaan negeri kepada pusat dan jumlah hutang terkini negara kepada semua sumber luar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2007, jumlah hutang terkumpul Kerajaan-kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM18.22 bilion.

2. Hutang luar negara Kerajaan Persekutuan adalah kecil selaras dengan dasar semasa Kerajaan untuk mengurangkan pergantungan kepada pinjaman luar negara bagi membiayai projek pembangunan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan tidak membuat pinjaman luar negara sejak 4 tahun berturut-turut. Sehingga 31 Disember 2007, jumlah hutang luar negara Kerajaan Persekutuan hanyalah RM19.6 bilion atau 10.5% daripada keseluruhan hutang negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN CHUA TEE YONG [LABIS]

TARIKH : 23 Jun 2008

SOALAN:

Y.B. Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keuntungan yang dicatatkan oleh Petronas dari tahun 2000-2007 dan dari mana kebanyakan keuntungan Petronas diperolehi mengikut '*geographical segment*' dan '*product segment*' bag tempoh tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keuntungan yang dicatatkan oleh PETRONAS dari tahun 2000 hingga 2007 adalah seperti berikut:

Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac	Keuntungan Sebelum Cukai (RM Bilion)
2000	21.6
2001	29.0
2002	24.3
2003	26.9
2004	37.4
2005	58.0
2006	69.4
2007	76.3

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyata kewangan yang disediakan PETRONAS tidak dibuat mengikut pecahan geografi atau mengikut produk yang dihasilkan. *Malaysian Accounting Standards Board* tidak memerlukan penyata kewangan PETRONAS disediakan mengikut pecahan seperti yang dinyatakan. Walau bagaimanapun, pecahan dari segi perolehan atau hasil adalah seperti berikut:

Perolehan Kumpulan PETRONAS (Group) Mengikut Geografi Bagi Tempoh 2006 – 2007,

Tahun kewangan	Perolehan (Dalam Malaysia)	Perolehan (Luar Negara)	Jumlah Perolehan
31 Mac 2006	RM110.8 bilion	RM56.6 bilion	RM167.4 bilion
31 Mac 2007	RM116.5 bilion	RM67.6 bilion	RM184.1 bilion

Hasil Perolehan Kumpulan Petronas (Group) Mengikut Produk Bagi Tempoh 2006-2007 (RM Bilion)

PRODUK	2007	2006	Perbezaan
Hasil Produk Berasaskan Minyak dan Gas			
Produk Petroleum (Diesel, Gasolin dll.)	62.7	55.6	12.8%
Minyak Mentah	45.4	41.0	10.7%
Gas Asli Cecair (LNG)	28.9	28.5	1.4%
Produk Petrokimia (Ethylene, Polyethylene dll)	13.9	12.7	9.4%
Gas Di Proses	6.5	5.9	10.2%
Gas Petroleum Cecair (LPG)	5.0	4.9	2.0%
Gas Asli	2.9	2.8	3.6%
Jumlah Kecil	165.3	151.4	9.2%

Hasil Bukan Minyak dan Gas dan Khidmat Logistik			
Perkapalan	8.3	7.7	7.8%
Hartanah	2.6	2.0	30.0%
Lain-Lain	7.9	6.3	25.4%
Jumlah Kecil	18.8	16.0	17.5%
Jumlah Besar	184.1	167.4	10.0%

Secara amnya keuntungan PETRONAS ini adalah hasil daripada, urusniaga minyak termasuk penapisan dan jualan produk petroleum, urusniaga gas asli termasuk gas asli cecair (LNG) dan bekalan gas melalui paip, urusniaga petrokimia serta khidmat logistik. Secara geografi, operasi PETRONAS di luar negara menyumbang kira-kira 35% daripada keseluruhan keuntungan PETRONAS.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **DATO' SERI ONG KA TING**
TARIKH : **23 JUN 2008 (ISNIN)**
NO.PERTANYAAN : **NO.23**

Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan dan peratusan staf akademik mengikut etnik di IPTA dan jumlah jawatan Dekan dan Ketua Jabatan yang disandang oleh kaum bukan Bumiputera.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah staf akademik di IPTA sehingga Mac 2008 adalah seramai 24,558 orang. Daripada jumlah tersebut 83.12% adalah bangsa Melayu, 6.92% bangsa Cina, 3.24% bangsa India dan 2.54% adalah lain-lain bangsa, manakala selebihnya 4.18% adalah bukan warganegara Malaysia.

Sebanyak 198 jawatan Dekan dan 454 jawatan Ketua Jabatan terdapat di IPTA. Daripada jumlah tersebut 45 jawatan Dekan dan Ketua Jabatan disandang oleh kaum bukan Bumiputera. Pemilihan untuk mengisi jawatan Dekan dan Ketua Jabatan adalah berdasarkan merit dan bidang kepakaran masing-masing.

PEMBERITAHUAN PERTANYAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]
TARIKH : 23 JUN 2008

SOALAN:

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta PERDANA MENTERI menyatakan kenapakah Jabatan Peguam Negara masih belum membuat keputusan terhadap representasi yang telah dibuat oleh syarikat G-Gold memandangkan pelanggan-pelanggan G-Gold telah berpuas hati untuk mengadakan penyelesaian antara G-Gold dengan mereka.

JAWAPAN:

Semua kes pengambilan deposit haram yang telah selesai disiasat oleh Bank Negara telah pun didakwa di Mahkamah kecuali kes yang melibatkan Syarikat G-Gold Gallery Sdn. Bhd. Berhubung dengan kes Syarikat G-Gold Gallery Sdn. Bhd. ini, Bank Negara Malaysia telah membuka kertas siasatan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989.

Pada 1 Ogos 2007, Jabatan Peguam Negara telah menerima suatu representasi daripada Syarikat G-Gold Gallery Sdn. Bhd. untuk membuat penyelesaian perkara ini untuk dipertimbangkan. Representasi yang diterima ini perlu dipertimbangkan secara teliti oleh Jabatan Peguam Negara dengan mengambil kira jumlah pelaburan dan kepentingan pelabur-pelabur yang perlu dilindungi agar mereka tidak mengalami kerugian.

Jabatan Peguam Negara telah mengarahkan Syarikat G-Gold Gallery Sdn. Bhd. untuk mengemukakan representasi tersebut kepada Bank Negara untuk dibuat kajian sama ada penyelesaian yang dicadangkan itu adalah bersesuaian dan menurut peruntukan undang-undang. Walau bagaimanapun, sehingga kini Syarikat G-Gold Gallery Sdn. Bhd. telah gagal untuk mengemukakan representasi tersebut kepada Bank Negara walaupun telah beberapa kali diminta berbuat demikian.

Oleh yang demikian, Jabatan Peguam Negara telah membuat keputusan untuk menuduh kedua-dua pengarah Syarikat G-Gold Gallery Sdn. Bhd. Kedua-dua pengarah tersebut dituduh dengan 94 pertuduhan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 di Mahkamah Seksyen Ipoh pada 19 Jun 2008 dan 269 pertuduhan di bawah Akta Pencegahan pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 di Mahkamah Seksyen Kuala Lumpur pada 20 Jun 2008. Namun begitu, pada masa kini hanya Khoo Ban Sean Benny saja telah dituduh kerana Daniel Choong Yew Chee tidak berada dalam Malaysia. Beliau akan dituduh sebaik sahaja beliau kembali ke Malaysia.

SOALAN NO: 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MOHD PUAD BIN
ZARKASHI
[BATU PAHAT]

BERTARIKH : 23 JUN 2008

SOALAN :

DR. MOHD PUAD BIN ZARKASHI [BATU PAHAT]
MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN
JUMLAH LALUAN MAUT DAN STATUS MENAIK
TARAF LORONG MAUT DAN LORONG-LORONG
MOTOSIKAL DI SEMENANJUNG. NYATAKAN KOS
DAN PECAHANNYA MENGIKUT NEGERI.

JAWAPAN :

**TUAN YANG DIPERTUA,
UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT,
PROGRAM MEMPERELOK KAWASAN
BERBAHAYA DAN PROGRAM PEMBINAAN
LORONG KHAS MOTOSIKAL DI JALAN-JALAN
PERSEKUTUAN YANG DILAKSANAKAN
SECARA BERTERUSAN TELAH MENAMPAKKAN
KEJAYAAN DALAM MENGURANGKAN
KEMALANGAN JALAN RAYA.**

**DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KE 9,
KERAJAAN TELAH MERANCANG UNTUK
MEMPERELOK 225 KAWASAN BERBAHAYA
DAN BERPOTENSI BERBAHAYA DI SEPANJANG
LALUAN PERSEKUTUAN.**

**BERIKUT ADALAH PECAHAN YANG
DIRANCANG UNTUK PROGRAM INI MENGIKUT
NEGERI DAN KOS :**

BIL	NEGERI	JUMLAH LOKASI	JUMLAH KOS (RM JUTA)
1	JOHOR	27	31.59
2	KEDAH	34	24.71
3	KELANTAN	39	18.25
4	MELAKA	7	4.14
5	NEGERI SEMBILAN	46	29.17
6	PAHANG	20	12.58
7	PERAK	18	7.14
8	PERLIS	8	4.05
9	PULAU PINANG	13	10.87
10	SELANGOR	11	6.70
11	TERENGGANU	2	0.80
	JUMLAH KESELURUHAN	225	150.00

SELAIN DARIPADA ITU, SEBANYAK 20 LOKASI DIRANCANG UNTUK DILAKSANAKAN PROGRAM MEMBINA LORONG MOTOSIKAL DI SEMUA JALAN PERSEKUTUAN UTAMA DIMANA IA MELIBATKAN JALAN-JALAN YANG MEMPUNYAI KADAR ISIPADU MOTOSIKAL YANG TINGGI DAN JUGA JALAN-JALAN YANG BANYAK BERLAKU KEMALANGAN YANG MELIBATKAN PENUNGGANG DAN PEMBONCENG MOTOSIKAL.

PECAHAN YANG DIRANCANG UNTUK PROGRAM INI MENGIKUT NEGERI DAN KOS ADALAH SEPERTI BERIKUT :

BIL	NEGERI	JUMLAH LOKASI	JUMLAH KOS (RM JUTA)
1	JOHOR	4	126.50
2	KEDAH	5	81.30
3	NEGERI SEMBILAN	2	70.50

4	PERAK	4	129.00
5	PULAU PINANG	1	7.50
6	SELANGOR	3	61.60
7	SARAWAK	1	8.10
JUMLAH		20	484.50

**KEDUA-DUA PROGRAM INI AKAN
DILAKSANAKAN SECARA BERPERINGKAT-
PERINGKAT MENGIKUT KEUTAMAAN DAN
BERDASARKAN PERUNTUKAN YANG
DILULUSKAN.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 23 JUN 2008

RUJUKAN : 1029

SOALAN:

Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk meningkatkan tahap profesionalisme RELA memandangkan begitu banyak aduan rakyat bahawa anggota RELA telah menyalahgunakan kuasa mereka termasuk yang diiktiraf oleh Suhakam.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Shah Alam yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang telah diambil untuk meningkatkan tahap profesional pasukan RELA ialah :

- 1) Mengadakan program-program penerangan yang jelas mengenai bidang tugas dan kuasa-kuasa mengikut peruntukan undang-undang dan peraturan kepada pegawai-pegawai dan anggota-anggota RELA,
- 2) Menjalankan latihan asas dan lanjutan sesuai dengan pangkat dan tugas, dan
- 3) Mempertingkatkan tahap disiplin pegawai dan anggota RELA di semua peringkat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, aduan-aduan yang mengatakan bahawa anggota RELA menyalah gunakan kuasa kebanyakannya tidak mempunyai bukti yang jelas dan sukar untuk

diambil tindakan. Walaubagaimana pun bagi aduan-aduan yang mempunyai bukti yang kukuh telah diambil tindakan sewajarnya seperti menggantung keahlian dan menamatkan keahlian anggota. Selain itu, pegawai-pegawai dan anggota-anggota RELA juga didedahkan dengan perkara-perkara mengenai hak-hak asasi manusia melalui program-program kursus, majlis penerangan dan perbincangan dengan agensi dan badan berkaitan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]

TARIKH : 23 Jun 2008 (Isnin)

SOALAN : 27

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah rancangan jangka masa panjang untuk Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah di Ipoh.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Buat masa ini Kementerian tidak bercadang untuk menaik taraf Lapangan Terbang Ipoh kerana mendapati projek tersebut adalah tidak *viable*. Ini adalah berasaskan kepada perkara-perkara berikut :

- (i) prestasi penumpang yang merosot;
- (ii) syarikat-syarikat penerbangan berjadual seperti MAS, AirAsia, Jentayu Airlines, Kartika Air dan Merpati Nusantara telah menamatkan operasi masing-masing;
- (iii) Lapangan Terbang Ipoh dikelilingi oleh taman-taman perumahan yang padat dan sebarang pembesaran yang melibatkan pengambilan balik tanah akan melibatkan kos yang tinggi;
- (iv) Masalah pencemaran bunyi kerana lapangan terbang ini terlalu hampir dengan kawasan perumahan; dan
- (v) terdapat juga objek-objek yang dianggap sebagai galangan-galangan *aerodrome* sedia ada (*aerodrome obstacle*) iaitu tiang-tiang ariel, menara telekomunikasi serta bangunan-bangunan tinggi. Sebarang tindakan akan melibatkan kos yang amat tinggi kerana terdapatnya galangan-galangan yang perlu dialihkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [SERDANG]
TARIKH : 23 JUN 2008
RUJUKAN : 1030

SOALAN:

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada YAB Perdana Menteri akan mengkaji semula Akta Polis 1967, terutamanya seksyen 27 yang tidak menyatakan kriteria dan panduan kepada syarat-syarat yang diperlukan untuk mendapatkan permit perhimpunan dan undang-undang pencegahan bagi mencerminkan piawaian antarabangsa.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat dari Serdang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sedang dalam usaha untuk meminda Seksyen 27 Akta Polis yang memperuntukkan hak rakyat untuk menganjurkan perhimpunan awam. Pindaan tersebut adalah selaras dengan syor Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM. Cadangan pindaan Seksyen 27 memperuntukkan kriteria serta syarat-syarat yang diperlukan bagi tujuan mendapatkan permit perhimpunan awam. Kementerian telah bersetuju supaya permohonan untuk mengadakan perhimpunan awam perlu dibuat 9 hari sebelum tarikh perhimpunan diadakan. Ia juga menetapkan agar keputusan permohonan tersebut dikeluarkan dalam tempoh 3 hari. Rayuan boleh dibuat sekiranya permohonan tersebut ditolak. Dicadangkan juga agar keputusan rayuan tersebut perlu dikeluarkan dalam tempoh 2 hari oleh Ketua Polis Negeri terbabit sebelum tarikh perhimpunan diadakan.

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN-PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
[BATANG SADONG]**

TARIKH : 23 JUN 2008 (ISNIN)

SOALAN : Oleh PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI [BATANG SADONG] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-

Dalam kita mempromosi penanaman produk pertanian bagi mengatasi masalah bekalan makanan, adakah Kementerian menilai tindakan yang diambil oleh agensi-agensi berkaitan supaya kita mengetahui status terkini mengenai perancangan '*food security*' Kerajaan.

JAWAPAN : OLEH Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Bagi mengatasi masalah bekalan makanan di negara ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Jabatan dan Agensi di bawahnya telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- i) Melaksanakan pendekatan secara bersepadu melalui MOA Inc. dalam merangka Dasar Jaminan Makanan dan membincangkan pelaksanaan program-program yang boleh menambahkan bekalan makanan;
- ii) Mengadakan mesyuarat berkala bagi memantau pengeluaran makanan negara seperti Focus Group On Padi yang sentiasa memastikan program pengeluaran padi dan bekalan sentiasa mencukupi;
- iii) Memantau pelaksanaan program-program pengeluaran secara berkala melalui mesyuarat-mesyuarat pemantau secara mingguan;
- iv) Mengambil maklum dan mengambil tindakan terhadap cadangan-cadangan yang dibangkitkan dalam mesyuarat-mesyuarat seperti Mesyuarat Exco Pertanian bersama YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dan Mesyuarat Panel Penasihat Sektor Pertanian

Usaha-usaha lain yang diambil bagi meningkatkan pengeluaran makanan supaya dapat mengawal bekalan makanan negara adalah:

- i. Melaksanakan pembangunan projek pertanian secara berkelompok dan penggabungan ladang seperti estet dan dusun nucleus untuk mencapai tahap komersil dan menggunakan mekanisasi ladang bagi meningkatkan produktiviti dan memperolehi faedah *economy scale*.
- ii. Mewujudkan sistem perladangan dan cara pengeluaran makanan pertanian yang moden dan sistematik di Taman Kekal Pengeluaran

Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Zon Ternakan Ayam dan Program Integrasi dengan Tanaman Kekal. Selaras dengan konsep zon tersebut, pembangunan kluster industri akan dilaksanakan supaya pembangunan industri sokongan seperti pemprosesan, pembungkusan dan pemasaran boleh berkembang.

iii. Pengeluaran secara persekitaran terkawal dan sistem berintensifkan mekanisasi dan automasi seperti ternakan lembu secara fidlot dan reban ayam tertutup.

iv. Menambahbaik dan memantapkan pemasaran tempatan dan antarabangsa termasuk memperluaskan penggunaan e-dagang seperti Agribazaar dan FAMA exchange. Infrastruktur dan kemudahan pemasaran dipertingkatkan bagi menambahkan aktiviti nilai ditambah seperti pembersihan, penggredan dan pembungkusan, pembinaan TEMAN dan pasar tani dan strategi penjenamaan melalui Malaysia's best dan ole. Di peringkat antarabangsa pula, misi pelaburan dan pemasaran ke beberapa buah negara yang merupakan pasaran yang berpotensi di pertingkatkan di samping mengadakan perbincangan untuk mewujudkan Perjanjian FTA dengan Australis, New Zealand dan China.

v. Memperkukuhkan sistem kualiti dan keselamatan makanan supaya memenuhi piawaian pasaran tempatan dan antarabangsa bagi membolehkan hasil Pertanian Negara dieksport ke luar Negara. Beberapa skim pensijilan seperti Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM) telah pun dilaksanakan bagi mencapai tujuan berikut. Ini termasuklah meningkatkan kempen Amalan Pertanian Baik (*Good Agriculture Practise*) kepada petani-petani dan menyegerakan

pelaksanaan skim-skim pensijilan kualiti dan keselamatan makanan serta kesihatan tumbuhan supaya memenuhi piawaian pasaran tempatan dan antarabangsa.

vi. Meningkatkan lagi program latihan kepada petani-petani dan usahawan tani termasuk kursus motivasi dan keusahawanan supaya petani-petani mendapat kemahiran yang diperlukan bagi memudahkan usaha transformasi sektor pertanian tradisional kepada sektor pertanian moden dan komersil.

vii. Mewujudkan Pusat Kecemerlangan Teknologi di pusat-pusat Pertanian untuk meningkatkan perkhidmatan sokongan teknikal bagi menyokong kerja agen-agen pengembangan di peringkat akar umbi menerusi pengeluaran benih dan bahan tanaman bermutu tinggi di pusat-pusat pertanian untuk dijual kepada petani, perkhidmatan pengurusan tanah untuk penyimpanan teknologi pengurusan kesuburan tanah dan pemuliharaan tanah, perkhidmatan perlindungan tanaman bagi penyampaian teknologi Pengurusan Perosak Bersepadu yang mesra alam, diagnosis serta kawalan penyakit dan perosak.

viii. Menempatkan pegawai yang mempunyai kelayakan akademik lebih tinggi sebagai agen pengembangan *front line* di peringkat akar umbi supaya pegawai lebih pakar terlibat secara langsung dalam menyampaikan teknologi terkini kepada petani.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN LIANG TECK MENG
(SIMPANG RENGAM)
TARIKH : 23 JUN 2008 (ISNIN)

SOALAN:

Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pendekatan yang diambil bagi menarik perhatian kaum bukan bumiputera untuk menyertai aktiviti atau program yang dianjurkan oleh Kementerian di peringkat negeri dan negara.

JAWAPAN

1. Semua program anjuran Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sebenarnya mensasarkan penyertaan dari kalangan belia pelbagai kaum sama ada Bumiputera mahupun Bukan Bumiputera. Ini kerana secara umumnya, keseluruhan program yang dianjurkan oleh Kementerian ini berfokus bagi membentuk dan membangunkan semangat perpaduan, jati diri dan patriotisme di kalangan semua belia di negara ini.
2. Bagi tujuan untuk mempertingkatkan penyertaan daripada kaum Bumiputera dan Bukan Bumiputera dalam program-program yang

dianjurkan oleh KBS, beberapa pendekatan telah diambil perhatian dan tindakan oleh Kementerian ini.

- i. Menyedari bahawa bilangan kakitangan Kementerian yang terlalu kecil jika hendak dinisbahkan dengan bilangan belia yang seramai 11.1 juta orang, KBS sentiasa merangka program bagi mengupayakan dan memperkasakan pertumbuhan belia di semua peringkat sama ada di kampung, daerah, negeri mahupun negara.

Persatuan belia adalah merupakan jaringan dan rakan kongsi terbaik bagi membolehkan Kementerian mendampingi belia dan seterusnya membawa mereka bersama-sama menyertai program yang dianjurkan. Selain daripada itu, terdapat beberapa program yang disediakan oleh Kementerian tetapi dilaksanakan sendiri oleh persatuan belia mengikut kehendak dan keperluan belia masa kini dengan berlandaskan panduan yang diberi seperti Program Jati Diri Kesukarelaan Nasional (PJKN) dan Program Komuniti Belia Remaja (Y2Y).

- ii. Selain itu, bagi menarik belia Bukan Bumiputera bagi menyertai program yang dianjurkan juga, KBS sentiasa menjalinkan kerjasama dengan persatuan belia yang majoriti ahlinya adalah kaum Bukan Bumiputera seperti Gerakan Belia Bersatu Malaysia (GBBM), Pergerakan Pemuda Malaysia (YMM) dan Majlis Belia India Malaysia. Pertumbuhan-pertumbuhan belia ini telah diberikan bantuan dalam bentuk kewangan sama ada Bantuan Pentadbiran dan Bantuan

Aktiviti bagi membolehkan mereka melaksanakan segala program yang telah dirancang dengan jayanya.

- iii. Bagi membolehkan suara belia sama ada Bumiputera dan Bukan Bumiputera di ambil perhatian oleh Kerajaan semua pertubuhan-pertubuhan belia ini telah dilantik untuk menganggotai Majlis Perundingan Belia di semua peringkat sama ada daerah, negeri mahupun negara. Majlis Perundingan Belia adalah merupakan badan perunding dalam hal berkaitan dengan pembangunan belia.
- iv. Melalui Teras Peranan Pertubuhan Belia di dalam Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional (PTPBN), Kementerian juga telah menyediakan latihan dan kursus kepimpinan dan pentadbiran secara bersiri kepada barisan jawatankuasa pertubuhan belia, seminar dan latihan keusahawanan untuk menjadikan pertubuhan belia sebagai sebuah organisasi yang unggul dan berupaya bertindak sebagai agen perubahan dan rakan pembangunan masyarakat belia. Ini kerana sebagai mana yang telah dimaklumkan, pertubuhan belia adalah agen dan rakan kongsi Kementerian dalam mendampingi dan seterusnya menarik minat belia pelbagai kaum di negara ini untuk menyertai program yang dianjurkan.
- v. Kementerian juga turut memberi peluang kepada belia untuk mengikuti beberapa program pertukaran belia sama ada di dalam mahupun di luar Malaysia seperti program Integrasi Nasional 3S (Semenanjung, Sabah dan Sarawak) dan

Program Pertukaran Belia Malaysia-Korea, Malaysia-Cina dan Kapal Belia Asia.

- vi. Bagi tujuan untuk menarik minat semua belia bagi mengikuti program-program yang dianjurkan oleh Kementerian ini, KBS sentiasa melaksanakan program promosi sama ada di media elektronik mahupun media cetak. Promosi ini bertujuan untuk menghebahkan program-program berkenaan dan pada masa yang sama menarik minat belia untuk mengikuti program yang dianjurkan.

Secara kesimpulannya, KBS dalam melaksanakan program-program yang dirancangan sentiasa berusaha untuk menarik minat dan perhatian daripada semua belia untuk mengikuti program yang dianjurkan. Ini kerana melalui cara dan pendekatan penyertaan daripada semua kaum ini ianya akan memangkinkan pembentukan perpaduan di antara belia dan seterusnya membolehkan ideologi negara seperti Rukun Negara dapat diserapkan di kalangan generasi belia.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR
BIN HAJI SALLEH (KALABAKAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23 JUN 2008

**Datuk Panglima Abdul Ghapur bin Haji Salleh (Kalabakan) minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan:**

- a. berapa Kementerian sedar bahawa selain Genting Highlands di negara ini terdapat rumah-rumah judi berlesen yang beroperasi dengan menyamar sebagai kelab rekreasi dan sukan, sedangkan ia dimiliki oleh individu atau sekumpulan individu; dan
- b. bagaimana kelab-kelab ini mendapat lesen khususnya Jackpot.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

- a. Untuk makluman Yang Berhormat, kelab sukan dan rekreasi yang menjalankan operasi mesin slot telah diberikan permit di bawah Seksyen 4 Akta Loteri 1952 bagi Kelab Pertubuhan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 atau pemberian lesen di bawah

Seksyen 21A Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 bagi Kelab Syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965.

Kelab Pertubuhan adalah dimiliki oleh ahli-ahli kelab berkenaan dan ahli jawatankuasa yang mentadbir kelab dipilih melalui mesyuarat agung. Manakala bagi Kelab Syarikat, pemilikannya adalah berdasarkan keperluan yang ditetapkan dalam Akta Syarikat 1965.

b. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kewangan sejak awal tahun 1990 tidak lagi mempertimbangkan sebarang permohonan bagi mendapatkan lesen/permit perjudian baru termasuk bagi mengendalikan mesin slot. Lesen atau permit yang dikeluarkan kepada kelab-kelab pertubuhan atau kelab-kelab syarikat bagi mengendalikan mesin slot merupakan lesen/permit sedia ada sebelum dasar Kerajaan untuk tidak mengeluarkan lesen/permit baru bagi semua bentuk perjudian dilaksanakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN
(PASIR PUTEH)**

TARIKH : 23 JUN 2008

NO RUJUKAN : 1031

SOALAN:

**Tuan Muhammad Bin Husain (Pasir Puteh) minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan jumlah penagih dadah wanita
mengikut setiap negeri dan apakah usaha-usaha kerajaan bagi
membendung gejala tersebut.**

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B dari Pasir Puteh yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman, berdasarkan Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI) Agensi Antidadah Kebangsaan, jumlah penagih dadah wanita yang dikesan sejak tahun 2000 hingga 2007 adalah seramai **4,191** orang.

Sepanjang tahun 2007, statistik NADI menunjukkan seramai **348** orang penagih dadah wanita telah dikesan. Jumlah tersebut merupakan **2.4 %** daripada jumlah keseluruhan penagih dadah (**14,489 orang**) yang dikesan pada tahun berkenaan.

Dari segi taburan mengikut negeri pula, Pulau Pinang mencatatkan bilangan penagih wanita paling ramai dikesan berbanding negeri-negeri lain iaitu seramai **85 orang**, diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (**53 orang**), Johor (**48 orang**), Kelantan (**33 orang**) dan Kedah (**31 orang**), Selangor (**24 orang**), dan Sabah serta Sarawak (masing-masing **19 orang**). Tiada penagih dadah wanita dikesan di Terengganu, Wilayah Persekutuan Labuan dan Putrajaya.

Untuk makluman Y. B juga, kerajaan telah mewujudkan sebuah pusat serenti khas untuk wanita yang terletak di Bachok, Kelantan. Sehingga Disember 2007 bilangan penagih wanita yang menerima

rawatan / pemulihan di pusat serenti tersebut adalah seramai **168 orang**.

Kerajaan telah menjalankan pelbagai usaha melalui pelaksanaan program pencegahan bagi menangani masalah penagihan dadah di kalangan wanita. Program-program tersebut meliputi semua kumpulan sasaran iaitu sekolah, keluarga, tempat kerja dan masyarakat umum. Antara program yang telah dan sedang dijalankan untuk wanita adalah Program Intervensi Pelajar (PIP) untuk pelajar wanita dan Program Keibubapaan / PIBG untuk keluarga. Pihak kerajaan juga melaksanakan beberapa program secara perkongsian pintar (Smart Partnership) dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terutamanya melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Di antara program yang dilaksanakan dengan kerjasama LPPKN adalah seperti Program Keluarga Sejahtera, Program Penyayang dan Program Sayangi Keluarga. Program-program lain yang akan dilaksanakan ialah seminar menggerakkan wanita peringkat kebangsaan dan negeri dan Anugerah Recovery dalam kalangan bekas penagih wanita yang berjaya.

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN AB AZIZ BIN AB KADIR [KETEREH]
TARIKH : 23 JUN 2008 (ISNIN)
SOALAN : **TUAN AB AZIZ BIN AB KADIR** minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan:

Sejauh manakah perbelanjaan jutaan ringgit bagi membina Dataran Warisan KADA di Kok Lanas Kelantan dapat menyumbang ke arah mempertingkatkan pendapatan petani di kawasan sekitar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Dataran ini dibina oleh KADA dengan matlamat untuk dijadikan sebagai satu pusat di mana pemborong atau pembeli bertemu dengan penjual atau pengeluar produk dan pelbagai hasil pertanian yang diusahakan oleh sebilangan besar daripada golongan petani di bawah pengendalian KADA. Tempat ini dianggap sebagai satu lokasi yang paling strategik di mana ianya terletak di tengah-tengah pusat

pengeluaran hasil tani di mana meliputi sekurang-kurangnya 5 jajahan pentadbiran Negeri Kelantan iaitu Pasir Mas, Pasir Puteh, Tanah Merah, Machang dan Kota Bharu.

Dataran Warisan KADA ini akan dibangunkan dengan gerai-gerai di tepi batas tali air untuk dijadikan sebagai tempat jualan hasil-hasil pertanian yang telah siap diproses di samping menyediakan tempat-tempat permainan dan rekreasi sama ada untuk kanak-kanak dan juga orang dewasa sebagai langkah untuk menghidupkan suasana di samping yang lebih penting untuk menjadikan tempat tersebut sebagai pusat tumpuan yang berterusan.

Antara cadangan lain pihak KADA ialah bagi mewujudkan dan menjadikan Dataran tersebut sebagai salah satu pusat promosi hasil-hasil pertanian dan hasil makanan yang telah diproses yang telah diusahakan oleh petani dan usahawan-usahawan yang dilahirkan oleh pihak KADA.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Maklumat kos dan perbelanjaan untuk pembinaan Dataran Warisan KADA, Kok Lanas adalah seperti berikut:

Anggaran kos projek	:	RM 5.0 Juta
Jumlah Perbelanjaan	:	RM 2,203,477
Sumber Perbelanjaan	:	Peruntukan KADA – RM992,977 Peruntukan JPPK – RM1,210,500

Jumlah perbelanjaan tidak termasuk pembinaan astaka (RM400,000), tandas awam dan musala (RM100,000), khemah kekal *foodcourt* (RM800,000) yang dalam proses pembinaan oleh JPPK (Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan). Peruntukan dan perbelanjaan KADA pula adalah untuk membaiki kuarters KADA, membaiki tali air dan membina jambatan MTB (*Medium Traffic Bridge*) ke Dataran Warisan KADA.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DATUK ZAHRAIN MOHAMED BIN HASHIM
[BAYAN BARU]**
TARIKH : 23 JUN 2008
RUJUKAN : 1032

SOALAN:

**Datuk Zahrain Mohamed bin Hashim [Bayan Baru] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa ramaikah
pendatang-pendatang asing yang berada di Malaysia dan adalah
wujud satu sistem database atau profil bagi setiap individu.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat dari Bayan Baru yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Warganegara asing yang memasuki negara ini boleh dibahagikan kepada 2 kategori iaitu Pendatang Asing yang sah dan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI).

Bagi kategori Pendatang Asing yang sah, mereka memasuki negara dengan beberapa tujuan seperti melancong, belajar dan bekerja atas dokumen perjalanan yang sah. Mereka juga mendapatkan kemudahan imigresen yang bersesuaian dengan tujuan kemasukan agar tidak melanggar mana-mana Akta Imigresen 1959/63 mahupun Peraturan Imigresen 1963.

Berdasarkan statistik yang diperolehi dari Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), bagi tempoh 01 Januari 2008 hingga 30 April 2008 seramai **6,617,881 orang** Pendatang Asing telah memasuki Malaysia melalui pintu-pintu masuk laut, udara dan darat yang telah diwartakan. Selain itu, JIM telah mengeluarkan pas pelajar kepada seramai **74,464 orang** Pendatang Asing yang belajar di negara ini bagi tempoh 01 Januari 2008 hingga 18 April 2008. Manakala bagi tempoh 01 Januari 2008 hingga 30 April 2008 pula, JIM telah mengeluarkan pas pengajian kepada seramai sejumlah **37,617 orang** pegawai dagang

yang bekerja dalam syarikat tempatan mahupun agensi-agensi Kerajaan di Malaysia. Di samping itu, didapati juga seramai **2.1 juta orang** Pendatang Asing yang bekerja di Malaysia. Mereka ini masuk ke Malaysia secara teratur dan mempunyai Pas. Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang sah untuk bekerja di pelbagai sektor di Malaysia.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memantau dan memandang serius ke atas kehadiran pendatang asing ke negara ini dengan memberi keutamaan kepada aspek keselamatan dan ancaman-ancaman yang dibawa oleh pelawat asing ini kepada masyarakat Malaysia dari segi sosial, ekonomi dan budaya. Oleh yang demikian, JIM telah memperkenalkan beberapa sistem bagi memantau kehadiran pendatang asing ke negara ini seperti;

- a) Sistem Imigresen Malaysia (SIM) yang dibangunkan pada 21 Disember 2006 merupakan salah-satu usaha penambahbaikan JIM dalam menyelenggara dan mengurus maklumat-maklumat berkaitan penguatkuasaan pendatang asing di pintu-pintu masuk sempadan, keselamatan dokumen perjalanan serta kebolehsediaan penyaluran statistik pelancongan kepada TDC dalam masa nyata;
- b) Sistem Aplikasi Biometrik PATI yang bermula pada 01 Disember 2004 telah pun beroperasi sepenuhnya di semua

Depot Tahanan Sementara (DTS) Imigresen di seluruh negara. PATI yang ditahan akan diambil data biometrik mereka dan direkodkan sebelum dibenarkan masuk untuk bekerja di negara ini. Oleh itu, individu yang menggunakan pasport palsu atau milik orang lain tidak akan dapat membolosi sistem keselamatan sedia ada kerana data biometrik mereka telah direkodkan;

- c) Sistem Pemantauan Pekerja Asing (*Foreign Workers Monitoring System*) yang diperkenalkan pada 15 Februari 2006 digunakan untuk merekodkan data biometrik pekerja asing. Data tersebut dimasukkan apabila mereka masuk ke Malaysia di mana-mana pintu keluar/masuk negara. Dengan itu, JIM boleh mengesan pekerja asing berdasarkan alamat majikan dan memastikan mereka tidak dimanipulasikan untuk bekerja secara haram ataupun bekerja dengan majikan lain; dan
- d) Mengeluarkan 'i-card' untuk semua pelajar dan pekerja asing supaya pihak penguat kuasa mudah mengenal pasti pelajar dan pekerja asing yang tulen.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BT KAMARUDDIN

TARIKH : 23 Jun 2008

SOALAN:

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta PERDANA MENTERI sama ada Kerajaan ingin menggubal undang-undang bagi menghadkan tempoh untuk dua penggal bagi seseorang Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Jemaah Menteri, Jika ya, bilakah undang-undang ini akan dilaksanakan.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan tidak berhasrat menggubal undang-undang untuk menghadkan tempoh seseorang boleh menjadi Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri serta mana-mana ahli Jemaah Menteri.

Tempoh perkhidmatan seseorang anggota pentadbiran adalah tertakluk kepada pelbagai faktor, seperti ketetapan Perlembagaan Persekutuan, budi bicara Perdana Menteri, proses politik di dalam negara termasuk sistem pemilihan parti, serta hasrat dan aspirasi rakyat.

Oleh yang demikian, buat masa ini, Kerajaan berpendapat bahawa undang-undang untuk menghadkan tempoh perkhidmatan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri ataupun mana-mana ahli Jemaah Menteri yang lain kepada dua penggal, tidak diperlukan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
[PONTIAN]
TARIKH : 23 JUN 2008
SOALAN : TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
[PONTIAN]

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah bajet 2008 dan RMKe-9 serta peratusannya untuk pembangunan luar bandar dibandingkan pembangunan bandar serta jenis-jenis pembangunan yang utama dan jumlahnya untuk kedua-dua kawasan tersebut serta jangka masa ianya akan diselesaikan.

JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah peruntukan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan **RMKe-9** ialah sebanyak **RM220 billion** termasuk **RM20 billion** yang dibiayai di bawah **Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)**. Jumlah peruntukan bagi tahun 2008 ialah sebanyak **RM46.12 billion**.

Daripada jumlah RM220 bilion tersebut, sebanyak **RM38.81 billion atau 17.64%** merupakan peruntukan untuk melaksanakan **projek-projek pembangunan di kawasan luar bandar** dan sebanyak **RM121.27 billion atau 55.12%** adalah untuk pelaksanaan **projek-projek pembangunan di kawasan bandar**. Baki sebanyak **RM59.92 billion atau 27.24%** adalah peruntukan bagi **projek-projek yang melibatkan kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar**.

Antara projek-projek pembangunan utama di kawasan luar bandar ialah program/projek pembangunan pertanian, kemudahan infrastruktur, program untuk rakyat termiskin, sekolah, pusat-pusat kesihatan dan pusat-pusat latihan. Jumlah projek yang dirancang untuk di laksanakan di kawasan luar bandar ialah sebanyak 7,213 projek.

Projek pembangunan yang dilaksanakan di kawasan bandar termasuk pembinaan hospital, sekolah, institusi pengajian tinggi dan projek-projek pengangkutan. Jumlah projek yang terletak di kawasan bandar ialah

sebanyak 20,379 projek. Manakala projek yang melibatkan kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar adalah sebanyak 3,224 projek. Projek-projek ini sedang dalam berbagai peringkat pelaksanaan dan dijangka akan disiapkan selewat-lewatnya dalam tahun 2010.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM LIP ENG
[SEGAMBUT]**

TARIKH : ISNIN, 23 JUN 2008

RUJUKAN : 01

SOALAN :

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan kenapa Datuk Esa Mohamed dilantik sebagai pengerusi "*Public Opinion Hearing Committee*", dalam draf pelan bandar KL 2020 sedangkan beliau seorang ahli penasihat DBKL dan diupah sebagai perunding dalam cadangan draf pelan ini, apakah kemungkinan "*conflict of interest*" dan kenapa tiada calon lain.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Segambut, mesyuarat Jawatankuasa Pendengaran Pandangan Awam (JKPPA) kali pertama telah diadakan pada 22 Mei 2008 bertempat di Bilik Lembaga, Tingkat 29, Bangunan DBKL. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Y.Bhg Datuk Ab. Hakim bin Borhan, Datuk Bandar Kuala Lumpur. Mesyuarat tersebut telah berbincang mengenai perkara ini dan memutuskan bahawa Y.Bhg. Dato' Ir Haji Esa bin Haji Mohamed tidak wajar memegang jawatan Pengerusi JKPPA memandangkan beliau merupakan ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur dan juga pengerusi syarikat perunding yang menjalankan kajian Draf Pelan Bandar Raya KL 2020.

Mesyuarat tersebut juga telah memutuskan untuk melantik Pengerusi JKPPA yang baru, iaitu **Y.Bhg. Datin Paduka Dr. Halimaton Saadiah binti Hashim berkuatkuasa 27 Mei 2008.**

SOALAN NO. 38**PEMBERITAHU PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI
HAMZAH
KAWASAN : JASIN
TARIKH : 23.06.2008 (ISNIN)

SOALAN:

Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH (JASIN) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah bentuk insentif yang lebih baik berbanding dengan sedia ada bagi menarik minat pelabur dalam usaha meningkatkan FDI.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam usaha menarik pelaburan FDI, Kerajaan telah mengkaji beberapa pendekatan untuk menambahbaik insentif bagi membantu pelabur asing.

Dalam hubungan ini, Kerajaan telah menubuhkan dua Jawatankuasa penting iaitu:

- (i) Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaburan (JKMP) yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri; dan
- (ii) Jawatankuasa Tertinggi Galakan Istimewa yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha MITI.

Kedua-dua Jawatankuasa Ini bertujuan meluluskan permohonan pelaburan yang mempunyai impak yang tinggi kepada ekonomi. Pelaburan yang dlutamakan adalah yang tertumpu kepada projek berintensifkan modal, berteknologi tinggi, bernilai ditambah tinggi dan yang akan menjana peluang pekerjaan besar terutamanya kepada rakyat Malaysia dan selaras dengan hala tuju perindustrian yang digariskan oleh Pelan Induk Perindustrian Ketiga. Jawatankuasa-jawatankuasa Ini juga mempunyai fleksibiliti untuk menimbang pelbagai jenis insentif khusus yang diminta oleh pelabur-pelabur. Ini adalah satu usaha dalam memberi insentif yang lebih berkesan bagi memenuhi keperluan pelabur dan strategi pembangunan perindustrian.

Dasar serta insentif Kerajaan berjaya menarik pelaburan dalam sektor perkilangan sebanyak RM59.9 bilion pada tahun 2007. Daripada jumlah ini, sebanyak RM33.4 bilion merupakan pelaburan asing (FDI) dan ini telah melebihi sasaran yang ditetapkan dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) sebanyak RM27.5 bilion. Pada bulan Januari sehingga bulan April 2008 pula, nilai pelaburan asing yang diluluskan dalam sektor perkilangan adalah RM16.64 bilion.

Di samping itu, pendekatan-pendekatan lain yang diambil untuk menarik lebih banyak pelaburan asing adalah:

- (i) Pengurangan kadar cukai korporat kepada 25 peratus pada tahun 2009;
- (ii) Penyediaan Infrastruktur yang baik, misalnya melalui pewujudan lima koridor ekonomi yang khusus. Di samping memperkenalkan pakej-pakej insentif tambahan seperti pengecualian cukai korporat, kebenaran mendapatkan sumber modal asing, kelonggaran syarat pengambilan pekerja mahir asing, dan kemudahan-kemudahan bertaraf antarabangsa, pewujudan kluster-kluster industri ini juga menjimatkan kos logistik dan pentadbiran bagi para pelabur;
- (iii) Merancang dan melatih pekerja-pekerja mahir yang memenuhi permintaan Industri, melalui usaha bersepadu pelbagai Kementerian dan Agensi Kerajaan;
- (iv) Peningkatan sistem penyampalan Kerajaan yang berterusan dan pengurangan kos menjalankan perniagaan melalui Pasukan Pemudahcara Perniagaan atau PEMUDAH. Mengikut *World Competitiveness Report 2008*, dengan izin, kedudukan Malaysia dari segi daya saing telah meningkat ke kedudukan ke-19, berbanding kedudukan ke-23 setahun sebelumnya; dan

- (v) **Menubuhkan Unit Imigrasi** di MIDA untuk menyegerakan pengeluaran visa bagi pekerja-pekerja asing, pas pekerja, pas tanggungan dan perakuan pelajar bagi anak-anak pekerja asing.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan juga sentiasa **mengkaji Insentif-Insentif yang sedia ada** supaya ia adalah setanding dengan Insentif-Insentif yang ditawarkan oleh negara-negara pesaing.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN NORAH BINTI ABD RAHMAN
(TANJONG MANIS)
TARIKH : 23.6.2008

SOALAN:

Y.B. PUAN NORAH BINTI ABD RAHMAN (TANJONG MANIS) minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) bilangan kanak-kanak yang tidak dapat menghadiri sekolah kerana kekurangan bilik darjah mengikut peringkat umur 7 hingga 17 tahun bagi setiap negeri dari tahun 2002-2007; dan
- (b) jika terdapat kekurangan bilik darjah daripada yang dirancangan, apakah sebab-sebabnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah kekurangan bilik darjah bukanlah faktor utama murid tidak dapat menghadirkan diri ke sekolah. Ketidakhadiran murid seringkali berpunca daripada sikap segelintir murid yang tidak mengutamakan pelajaran.
- b) Bagi mengatasi masalah kekurangan bilik darjah, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil tindakan dengan membina bangunan tambahan. Langkah terbaru KPM ialah dengan membina bilik darjah segera yang menggunakan sistem IBS (*Industrial Building System*) kabin. Sekolah yang telah dipasang dengan menggunakan sistem IBS ialah

seperti di SMK Kota Masai, SMK Tun Hussein Onn, Cheras, SMK Telok Mas, Melaka dan sekolah di luar bandar Sabah.

Rjm 01

No. Soalan: 82 40

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**


PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MATULIDI BIN JUSOH
TARIKH : 23 JUN 2008


TUAN LATULIDI BIN JUSOH [DUNGUN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bilangan syarikat bas ekspres yang menyediakan perkhidmatan dari Utara, Barat dan Selatan Semenanjung ke Kuala Terengganu dan sebaliknya pada tahun 2007 dan sehingga Mei 2008.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan keseluruhan syarikat bas ekspres dari utara, barat dan selatan yang memberikan perkhidmatan ke Kuala Terengganu pada tahun 2007 hingga bulan Mei 2008 ialah 16 syarikat dengan menggunakan 125 buah bas.

Disediakan Oleh :  17/6/2008
: **NOR NEKMAN BIN JAIMON**
: No. Te. Pejabat :03-88805478
: No. H/P :019-2768803

Disemak Oleh :  17/6/08
: **NAIMAH BINTI RAMLI**
: No. Te. Pejabat :03-88805473
: No. H/P :012-3250969

Diluluskan Oleh :  18/6/08
: **ALWI BIN HAJI IBRAHIM**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD
TAIB (BALING)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.06.2008

Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib (Baling) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan kenapakah tidak dikenakan potongan untuk isteri yang masih bersama apabila memilih untuk taksiran berasingan bagi cukai pendapatan mereka, dan jika ya atas asas apakah perkiraan taksiran itu dibuat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, setiap isteri yang memilih untuk taksiran berasingan merupakan seorang pembayar cukai yang berasingan daripada suaminya. Dengan itu, beliau layak untuk mendapat semua pelepasan sebagai seorang pembayar cukai termasuk pelepasan diri sebagaimana suaminya. Oleh itu, suaminya tidak layak untuk mendapat pelepasan isteri.

JAWAPAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD NIZAR
BIN ZAKARIA (PARIT)**

TARIKH : 23 JUN 2008 (ISNIN)

NO. SOALAN : 42

**Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA minta **MENTERI
PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN
WARISAN** menyatakan usaha-usaha yang dilakukan untuk
memastikan produk kraf Malaysia mendapat tempat di
peringkat antarabangsa.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia adalah salah sebuah agensi di bawah Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah ditubuhkan di bawah Akta 222: Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979 (Pindaan 1983). Berdasarkan klausa 7 (1) Akta 222, Kraftangan Malaysia bertanggungjawab memainkan lima (5) peranan utama yang menekankan kepada peranan memaju dan memulihara kraf warisan, pengurusan standard dan kualiti serta memberi khidmat nasihat dalam aspek pengeluaran, pengurusan dan pemasaran termasuk pengeksportan produk kraf.

Sebagai usaha untuk memastikan produk kraf Malaysia mendapat tempat di peringkat antarabangsa pendekatan yang diambil adalah seperti berikut:

(i) Meningkatkan kualiti dan memberi nilai tambah (*value added*) kepada produk kraf tempatan melalui:

- a. khidmat nasihat dalam pembangunan produk.**
- b. memastikan produk kraf berkualiti.**

(ii) Meningkatkan aktiviti pemasaran dan promosi kraf melalui:

a. Penyertaan usahawan kraf di pameran perdagangan dan pameran pengguna seperti berikut :-

- Spring Fair Birmingham, United Kingdom**
- Ambiente Frankfurt, Jerman**
- Hong Kong Gifts & Premium Fair**

- **Jakarta International Handicraft Trade Fair (INACRAFT), Indonesia**
 - **Minggu Malaysia di London**
- b. Pemasaran produk kraf di *outlet* / gedung perniagaan kraf melalui :-**
- **program kerjasama dengan gedung-gedung terkemuka di luar negara untuk mendapatkan ruang promosi / jualan.**
 - **Kedai Malaysia yang menjual produk kraf buatan Malaysia untuk dijadikan cenderamata di Deutschland, Jerman.**
 - **Mendapatkan ruang jualan di Yiwu Commodity City, China iaitu pusat pameran kekal pemborong yang terbesar di dunia. Antara produk kraf**

yang akan dipamerkan di ruang tersebut ialah produk batik, kayu, logam (piuter, tembaga, perak), tenunan dan aneka kraf.

- (iii) Melantik agen pemasaran di luar negara.
- (iv) Mengadakan program kerjasama dengan pereka fesyen profesional di Paris.
- (v) Mengadakan program pertemuan antara pembeli / pedagang luar negara dengan pengusaha kraf tempatan semasa rombongan perdagangan ke luar negara dan *incoming craft mission / buyers*.
- (vi) Usaha-usaha promosi pengusaha kraf melalui laman web.

Dengan usaha-usaha ini hasrat Kerajaan untuk mengkomersilkan dan membawa produk kraf ke persada antarabangsa diharap dapat direalisasikan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA
MOJILIP BIN BUMBURING @
WILFRED [TUARAN]**

TARIKH : ISNIN, 23 JUN 2008

RUJUKAN : 02

SOALAN :

Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [Tuaran] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai perancangan untuk menubuhkan Mahkamah Anak Negeri di Wilayah Persekutuan Labuan memandangkan ramai bilangan kaum Kadazan Dusun yang bermastautin di pulau tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tuaran, Mahkamah Anak Negeri di Labuan telah wujud semenjak tahun 1952. Apabila Wilayah Persekutuan Labuan diwujudkan pada 1984, Mahkamah Anak Negeri masih kekal berfungsi sehingga sekarang.

Pada masa ini, Pejabat Mahkamah Anak Negeri yang terletak di Bangunan Tabung Haji, Wilayah Persekutuan Labuan dianggotai oleh 8 orang kakitangan.

Pengendalian kes pertikaian di Mahkamah tersebut bagi tahun 2005 hingga tahun 2007 adalah seperti berikut:

- (i) Tahun 2005 - 164 kes
- (ii) Tahun 2006 - 121 kes
- (iii) Tahun 2007 - 124 kes

Untuk makluman Ahli Yang terhormat juga, suku kaum terbesar di Wilayah Persekutuan Labuan ialah Melayu Brunei, Kedayan dan Kadazan. Daripada jumlah keseluruhan 86,000 orang penduduk Labuan, 55,000 orang adalah dari kaum Melayu Brunei/Kedayan dan 18,000 orang adalah dari kaum Kadazan Dusun.

Berdasarkan bilangan pengendalian kes berbanding bilangan penduduk suku kaum, sebuah Mahkamah Anak Negeri yang sedia ada adalah memadai.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 25 Jun 2008

SOALAN :

Y.B. Dr. Cje Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa Petronas membeli satu lagi kilang pengeluar minyak pelincir dari luar negara walaupun telah memiliki sebuah di Melaka. Berapakah kos pembeliannya dan kenapa membelinya melalui agen.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada tahun 2007, PETRONAS telah mengambil keseluruhan kepentingan dalam FL Selenia SpA pada harga kira-kira EURO 1 billion bertujuan memperluas aktiviti hiliran di luar negara. Kos pengambilalihan tersebut adalah berdasarkan nilai saksama (*fair value*) syarikat tersebut hasil penilaian terperinci yang telah dibuat oleh firma penasihat kewangan bertauliah, Dresdner Kleinwort. Laporan penilaian ini mengambil kira potensi pertumbuhan (*growth potential*) syarikat tersebut pada masa akan datang.

Pengambilalihan ini juga telah dilaksanakan secara terus oleh PETRONAS tanpa melalui agen.

FL Selenia SpA merupakan sebuah syarikat pengeluar dan pemasar bebas minyak pelincir automotif berjenama dan bendalir khusus terbesar di Eropah. Syarikat tersebut berpengkalan di Itali dan mempunyai operasi di seluruh Eropah, Amerika Selatan dan Amerika Syarikat dengan rangkaian pengeluaran dan penghantaran yang efisien, lengkap dan bersepadu. Rangkaian produk-produk keluarannya adalah minyak pelincir (*lubricants*), bendalir transmisi (*transmission fluids*), anti-sejukbeku (*anti-freeze*) dan bendalir khusus (*functional fluids*) bagi kereta, trak, traktor pertanian, jentera pemungkah tanah dan kelengkapan industri yang lain.

Pengambilalihan FL Selenia SpA adalah salah satu inisiatif PETRONAS untuk mengembangkan perniagaan minyak pelincirnya di peringkat global. Melalui inisiatif ini, PETRONAS dapat menumpukan pengeluaran produk-produk pelincirnya untuk pasaran Eropah, manakala pengeluaran daripada kilang pelincir di Melaka dikhususkan untuk pasaran Asia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz
TARIKH : 23 JUN 2008 (ISNIN)

SOALAN :

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana kementerian menangani isu 'HALAL' yang digunakan secara haram oleh pihak yang tidak berkeelayakan memandangkan ia menyentuh sensitiviti rakyat Malaysia yang mementingkan kandungan makanan yang diambil dan apakah hukuman yang diberikan kepada pihak yang menggunakan label halal yang tidak mendapat pengesahan dari Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang diPertua,

Kerajaan sememangnya memandang serius mengenai isu "Halal" yang disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab kerana ianya merupakan penipuan kepada pengguna, khususnya umat Islam. Bagi menangani isu ini, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN&HEP) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Agama Islam Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri akan terus melaksanakan pemeriksaan ke atas premis berkenaan, termasuk restoran dan kilang makanan yang menggunakan label dan sijil halal.

Sehingga Mei 2008, sejumlah 247 kes bersabit penyalahgunaan label dan sijil halal telah diambil tindakan oleh KPDM&HEP yang melibatkan penyitaan barang-barang bernilai RM8.38 juta. Tindakan susulan yang akan diambil adalah sama ada mendakwa pihak terbabit di mahkamah atau mengenakan penalti mengikut Seksyen 18(1) dan Seksyen 18(2) Akta Perihal Dagangan, 1972.

Tuan Yang diPertua,

Di bawah Seksyen 18(1) Akta Perihal Dagangan, 1972, penalti bagi kesalahan pertama yang boleh dikenakan kepada individu termasuk pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai sesebuah pertubuhan yang disabitkan kesalahan penyalahgunaan label dan sijil halal ialah:

- denda maksimum satu ratus ribu ringgit (RM100,000); atau
- tiga (3) tahun penjara; atau
- kedua-duanya sekali.

Manakala penalti bagi kesalahan kali kedua serta berikutnya ialah:-

- denda tidak lebih daripada dua ratus ribu ringgit (RM 200,000); atau
- penjara bagi tempoh tidak lebih daripada enam (6) tahun; atau
- kedua-duanya.

Di bawah Seksyen 18(2) Akta Perihal Dagangan, 1972, denda maksimum yang boleh dikenakan kepada pertubuhan atau perbadanan yang disabit kesalahan adalah dua ratus lima puluh ribu ringgit (RM250,000) bagi kesalahan kali pertama dan lima ratus ribu ringgit (RM500,000) bagi kesalahan kedua serta berikutnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : Tuan Lim Guan Eng [Bagan]

TARIKH : 23 Jun 2008 (Isnin)

SOALAN : 46

Tuan Lim Guan Eng Eng [Bagan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah kali terakhir Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas di ubahsuaikan, adakah cadangan berbuat demikian memandangkan ia dalam keadaan uzur, tandasnya tidak elok dan jenis "cangkung" yang tidak digemari pelancong Negara-Negara Barat dan kalau ya, apakah kos dan bilakah pengubahsuaian dibuat.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bagan, kali terakhir kerja-kerja ubahsuai yang telah selesai dilaksanakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas adalah pada 1 Mac 2001 dengan menelan belanja sebanyak RM 39.7 juta. Ini meliputi kerja-kerja pembesaran dan ubahsuai bangunan terminal di lapangan terbang tersebut. Projek ini dilaksanakan oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB). Pada masa ini kerja-kerja *upgrading* Kaunter Daftar Masuk dan Pembinaan Tandas Baru (*similar standards with KLIA*) sedang dilaksanakan .

Pihak MAHB juga telah pun merancang bagi melaksanakan kerja menyediakan kemudahan tandas yang lebih berkualiti yang berjumlah sebanyak 60 tandas. Adalah dijangkakan panggilan tender bagi projek tersebut akan dibuat pada bulan Julai 2008 ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM]

TARIKH: 23 JUN 2008

SOALAN:

YB PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan mewujudkan Mahkamah Keluarga memandangkan semakin banyak perkahwinan dan keluarga menghadapi masalah dan memerlukan campur tangan undang-undang dan Mahkamah Keluarga dianggap paling sesuai untuk menguruskan perkara-perkara jenis ini.

JAWAPAN:

Untuk makluman Y.B, buat masa ini hanya Mahkamah Kuala Lumpur sahaja yang spesifiknya mempunyai Mahkamah Keluarga bagi mendengar kes-kes keluarga bukan Islam, manakala di negeri-negeri lain kes-kes sedemikian di dengar oleh Mahkamah Tinggi biasa. Pada ketika ini tiada cadangan untuk mewujudkan Mahkamah Keluarga di setiap negeri memandangkan keperluannya masih belum ada dari jumlah kes masih di bawah kawalan tidak seperti kes-kes jenayah dan sivil.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ISMAIL BIN
HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH : 23 JUN 2008

RUJUKAN : 1034

SOALAN :

Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sehingga tahun 2007 berapakah jumlah pengedar-pengedar dadah yang telah ditangkap dan dikenakan tindakan undang-undang dan berapakah jumlah/nilai harta pengedar-pengedar ini yang telah dirampas.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Maran yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut statistik dari tahun 2002 hingga 2007, seramai 11,127 orang pengedar dadah telah ditangkap di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952. Manakala bagi tahun 2008 untuk tempoh sehingga bulan Mei, bilangan pengedar dadah yang telah ditangkap adalah seramai 1,132 orang. Untuk tempoh dari tahun 1979 hingga Mei 2008, seramai 693 orang pengedar dadah telah dijatuhkan hukuman mati dan dari jumlah tersebut seramai 205 orang telah dilaksanakan hukuman gantung sampai mati.

Bagi tempoh dari tahun 2002 hingga Mei 2008, sebanyak 15,736 kes pengedar dadah telah dirujuk di bawah Akta Dadah Berbahaya

(Perluotakan Harta) 1988. Untuk tempoh ini juga sebanyak RM194.5 juta nilai harta pengedar-pengedar dadah telah disita dan sejumlah RM30.3 juta daripadanya telah dilucut hak kepada kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : Bagi Jawab Lisan

**DARIPADA : Puan Siti Zailah Bt. Mohd. Yusoff
[Rantau Panjang]**

TARIKH : 23 Jun 2008 (Isnin)

SOALAN : 49

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah projek memanjangkan *landasan Lapangan Terbang Pengkalan Chepa* akan dimulakan serta pembinaan pelabuhan akan dapat dilaksanakan di Kelantan.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bantau Panjang, pada masa ini Kementerian dalam proses melantik *Independent Consultant* bagi Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Pengkalan Chepa, Kota Bharu. Pada masa ini, Kementerian juga sedang menyediakan dokumen tender dan spesifikasi skop kerja bagi projek berkenaan. Oleh itu, projek ini akan dilaksanakan setelah semua proses yang dinyatakan itu disediakan.

Manakala bagi pertanyaan tentang pembinaan pelabuhan pula, setakat ini, Kementerian tidak mempunyai rancangan untuk membina sebarang pelabuhan di Negeri Kelantan

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

NO. SOALAN : 50
PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
TARIKH : 23.06.2008

SOALAN:

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa (Parit Buntar) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memperkasakan Institusi Fatwa melalui Penyelarasan dengan institusi akademik yang mampu menjadi panduan kepada umat Islam dalam perkembangan terkini yang mencabar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan memang sentiasa menjalinkan hubungan dan kerjasama erat dengan institusi akademik dalam usaha memperkasakan Institusi Fatwa melalui perbincangan dan kerjasama yang diadakan dari masa ke semasa. Antara institusi yang terlibat ialah Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Fakulti-Fakulti Pengajian Islam seluruh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Bahkan sebilangan ahli Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang telah dilantik terdiri dari kalangan ahli akademik. Kerajaan juga sedang berusaha untuk menubuhkan sebuah Institusi Fatwa seumpama Darul Ifta' yang ada di Mesir, Brunei Darussalam, Qatar dan Kuwait.

JAKIM juga mengambil inisiatif menyelaras isu-isu fatwa dalam bidang muamalat dengan melaksanakan Muzakarah tahunan Majlis Perunding Syarak, Institusi-institusi kewangan dan perbankan Islam. JAKIM telah mendapat kerjasama erat daripada Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **DATO' ABU BAKAR BIN TAIB**
TARIKH : **23 JUN 2008 (ISNIN)**
NO. PERTANYAAN : **NO.51**

Dato' Abu Bakar Bin Taib [Langkawi] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah Kolej Komuniti mengikut negeri dan jurusan yang ditawarkan; dan
- (b) berapakah jumlah penuntut sejak ianya ditubuhkan dan telah mendapat pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

a) Untuk makluman Ahli yang Berhormat, sejak ditubuhkan pada tahun 2001, bilangan Kolej Komuniti telah bertambah daripada 12 buah kepada 37 buah sehingga April 2008. Jumlah Kolej Komuniti mengikut negeri adalah:-

Perlis - 1 buah
Kedah - 4 buah

Pulau Pinang	-	2 buah
Perak	-	5 buah
Selangor		5 buah
Negeri Sembilan	-	2 buah
Melaka	-	4 buah
Johor	-	5 buah
Terengganu	-	1 buah
Pahang	-	5 buah
Sabah	-	1 buah
Sarawak	-	2 buah

Sebanyak 21 program peringkat sijil dan 5 program peringkat diploma dalam pelbagai jurusan telah ditawarkan pada sesi pengajian Januari 2008.

b) Sehingga Disember 2007 (Kohort 10) seramai 14,404 graduan telah berjaya menamatkan pengajian di Kolej Komuniti. Berasaskan kajian Pengesanan Graduat yang bertujuan untuk meninjau tahap kebolehpasaran (*marketability*) para pelajar lepasan Kolej Komuniti menunjukkan bahawa kadar *employability* graduan semasa menghadiri konvokesyen pada tahun 2007 adalah 46.8%.

JAWAPAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN MASIR ANAK KUJAT
(SRI AMAN)**

TARIKH : 23 JUN 2008 (ISNIN)

NO. SOALAN : 52

Y.B. TUAN MASIR ANAK KUJAT minta **MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN menyatakan bilakah Kementerian mengambil tindakan untuk memelihara, baik pulih dan membuat restorasi Kubu Alice sebagai satu warisan untuk tarikan pelancongan di Sri Aman.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kerajaan melalui Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KPKKW) Malaysia sentiasa berusaha memulihara dan memelihara warisan negara berdasarkan kepada peruntukan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 yang meliputi warisan kebudayaan ketara (*tangible*) seperti bangunan, monumen, tapak dan artifak; warisan kebudayaan tak ketara (*intangible*) seperti muzik, tarian dan syair; warisan kebudayaan bawah air seperti kapal-kapal karam; warisan alam semulajadi seperti flora dan fauna dan lain-lain.

Mengenai Kubu Alice di Sri Aman, pihak Kementerian telah menerima permohonan daripada Kerajaan Negeri

Sarawak bagi menjalankan kerja-kerja restorasi dan konservasi ke atas kubu tersebut. Namun begitu, perbincangan lanjut sedang diadakan untuk menentukan pendekatan yang sesuai bagi penyelamatan kubu ini. Kubu ini adalah merupakan salah satu daripada sembilan (9) projek yang telah dan sedang dilaksanakan di Sarawak untuk tempoh 2006 hingga 2008.

Melalui usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian, maka khazanah warisan di seluruh negara akan terus terpelihara dan terpelihara untuk diwarisi oleh generasi yang akan datang.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH
BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : ISNIN, 23 JUN 2008

RUJUKAN : 03

SOALAN :

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan memandangkan Kuala Lumpur menghadapi masalah banjir, kesesakan dan pencemaran yang parah, jelaskan bagaimana Kuala Lumpur dikehendaki menampung 600,000 lebih penduduk seperti yang diharapkan oleh Pelan Draf Kuala Lumpur sementara infrastruktur yang sedia-ada belum lagi memenuhi keperluan penduduk semasa.

Tuan Yang di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Lembah Pantai, Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 mensasarkan jumlah penduduk di Kuala Lumpur seramai 2.2 juta menjelang 2020. Jumlah yang disasarkan ini adalah selaras dengan sasaran penduduk dalam Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020. Asas penting dalam merangka pelan ini ialah untuk merancang dan membangunkan persekitaran kehidupan yang berkualiti dan makmur. Tahap kualiti hidup minimum yang semua penduduk mampu memilikinya adalah seperti memastikan akses infrastruktur, persekitaran yang bersih, rumah mampu milik, lapangan hijau dan peluang untuk memiliki kehidupan yang berkualiti, teratur serta makmur.

Aspek penting yang telah diambil kira untuk menampung tambahan 600,000 penduduk di Kuala Lumpur serta memastikan isu-isu seperti kesesakan lalulintas, pencemaran udara, banjir dan infrastruktur yang dihadapi adalah dengan memastikan langkah-langkah berikut dilaksanakan:

1. Mewujudkan sistem pengangkutan awam yang bersepadu dan mudah sampai iaitu dengan meningkatkan tahap penggunaan pengangkutan awam

di pusat bandar dan jalan-jalan utama. Langkah yang perlu diambil adalah seperti berikut:

- Memanjangkan liputan rangkaian rel dengan menyambung kawasan liputan rangkaian rel bandar dan integrasi dengan rangkaian wilayah;
- Memberi keutamaan kepada perkhidmatan bas melalui pengkhususan sebahagian ruang jalan untuk kegunaan perkhidmatan bas yang cekap;
- Melaksanakan penyuraian lalu lintas di waktu puncak bagi mengurangkan kesesakan dan perkongsian penggunaan jalan;
- Menguruskan penawaran dan pengagihan tempat letak kereta dalam pusat bandar raya bagi mempertingkatkan penggunaan pengangkutan awam; dan
- Pembangunan digalakkan di sepanjang koridor dan pusat transit bagi memastikan tempat bekerja dan kemudahan masyarakat mudah dihubungi.

2. Memastikan kualiti persekitaran alam sekitar ditingkatkan melalui kaedah-kaedah berikut:

- Memulihara tasik-tasik sedia ada dan kolam-kolam bekas lombong untuk tujuan pembaikan sistem

perparitan, tebatan banjir serta menyediakan ruang rekreasi bagi kepentingan komuniti setempat;

- Mengawal pembangunan sepanjang rizab sungai dengan memindahkan aktiviti perindustrian tepi sungai dan mengawal guna tanah dan aktiviti yang terletak di koridor sungai;
- Langkah-langkah kawalan bagi mencapai pembinaan bangunan yang berkualiti tinggi serta pemulihan tebing sungai di sepanjang koridor sungai; dan
- Mempertingkatkan lingkaran hijau (*green area*) dan koridor biru (sungai-sungai) dengan melindungi taman-taman, kawasan lapang dan kawasan rekreasi sedia ada dan menjamin penyediaan taman-taman, kawasan dan rekreasi yang baru untuk kegunaan para penduduk dan pengunjung.

Menyediakan kemudahan infrastruktur yang mencukupi bagi keperluan semasa dan akan datang melalui kaedah-kaedah di bawah:

- Menyelaraskan keperluan peruntukan infrastruktur dan utiliti yang dapat memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan;
- Melaksanakan sepenuhnya cadangan Pelan Induk Saliran Kuala Lumpur seperti mewujudkan banyak

kolam takungan banjir, membesarkan saiz parit, memasang perangkap sampah dan mempertingkatkan sistem pembentungan; dan

- Memenuhi permintaan untuk tenaga elektrik, air dan sumber air semulajadi secara mampan seperti memperkenalkan kaedah pengumpulan air hujan, kitar semula dan penjimatan air untuk mengurangkan beban kepada sistem bekalan air dan sumber air.

4. Mengagihkan guna tanah secara saksama untuk menyokong pertumbuhan penduduk tahun 2020 dan membantu pembangunan ekonomi dan sosial bandar supaya dapat:

- Memenuhi keperluan masa hadapan yang akan menampung keperluan perumahan (i.e. perumahan mampu milik), tempat bekerja serta kemudahan sosial, termasuk kemudahan rekreasi; dan
- Menyediakan kemudahan awam yang komprehensif dalam kawasan persekitaran bandar yang berkualiti tinggi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN
TARIKH : 23 JUN 2008

SOALAN:

Y.B TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah dasar baru dicadangkan iaitu prasyarat memegang jawatan majistret diperlukan mengamal undang-undang/berkhidmat di Jabatan Peguam Negara sekurang-kurangnya 5 tahun.

JAWAPAN:

Untuk makluman Y.B, Majistret adalah ahli Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Seorang pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan boleh memegang berbagai-bagai jawatan dalam perkhidmatan itu, sama ada di Mahkamah, di Jabatan Peguam Negara atau di Kementerian-Kementerian. Mereka boleh mendapat pengalaman dalam jawatan-jawatan itu sebelum di lantik menjadi Majistret, apatah lagi sebelum di lantik menjadi Hakim Mahkamah Sesyen. Selain daripada itu, kursus di beri kepada pegawai-pegawai itu sebelum di lantik menjadi Majistret, lebih-lebih lagi sebelum di

dilantik menjadi Hakim Mahkamah Sesyen. Buat masa ini tiada prasyarat untuk seseorang yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan itu diperlukan berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun sebagai pengamal undang-undang atau di Jabatan Peguam Negara sebelum dilantik menjadi Majistret dan ia adalah tidak perlu.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD BIN KASSIM
[KUALA KEDAH]**

TARIKH : 23 Jun 2008 (ISNIN)

**SOALAN : TUAN AHMAD BIN KASSIM
[KUALA KEDAH] minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan : -
Bilangan Pertubuhan Peladang Kawasan
(PPK) seluruh Negara dan jumlah PPK
yang gagal mencapai tahap piawaian yang
ditetapkan dan apakah usaha-usaha untuk
memulihkannya**

JAWAPAN : Tuan Yang Di Pertua,

Sejak penubuhan LPP pada 1973, tugas dan tanggungjawabnya diterjemahkan di dalam misi LPP iaitu untuk membangunkan pergerakan Pertubuhan Peladang sebagai pemberi perkhidmatan yang berkesan. Usaha ini dilaksanakan melalui penubuhan entiti Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di seluruh negara yang kini berjumlah 274 buah.

Antara kaedah utama untuk mengukuh dan menilai prestasi Pertubuhan Peladang ialah berasaskan kepada ukuran kewangan yang biasa digunakan oleh badan-badan perniagaan ke atas pengurusan kewangan seperti analisis nisbah dan mengikut piawaian industri.

Tahap Kukuh (A), Sederhana (B) dan Lemah (C) adalah berasaskan kepada 5 aspek penilaian seperti berikut:-

- i. Nisbah kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan;
- ii. Ukuran penggunaan peruntukan keuntungan bagi tujuan sosial dan kebajikan ahli;
- iii. Prestasi sebenar pencapaian akaun gerakan dan perniagaan;
- iv. Penyelarasan nilai perbelanjaan sebenar Kos Dibantu; dan
- v. Ukuran kekukuhan / kestabilan kewangan.

Sehingga kini sebanyak 235 Pertubuhan Peladang Kawasan telah berjaya mencapai piawaian yang ditetapkan. Langkah-langkah dan usaha yang telah diambil ialah dengan mempertingkatkan kecekapan pengurusan kewangan serta meningkatkan pemantauan melalui penguatkuasaan undang-undang dan peraturan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK
BADAK
[LUBOK ANTU]
TARIKH : 23 JUN 2008
SOALAN :

Tuan William @ Nyallau Anak Badak [Lubok Antu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Klinik Desa di Daerah Lubok Antu akan dibina memandangkan keperluannya amatlah mendesak kerana keadaan klinik desa yang ada pada masa sekarang sudah daif dan tidak sesuai bagi pesakit-pesakit untuk mendapatkan rawatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pembinaan Klinik Kesihatan Lubok Antu yang baru telah diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan projek ini dijangka akan dapat dilaksanakan sebelum akhir RMKe-9.

PARLIMEN MALAYSIA

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT – PENGGAL
PERTAMA MESYUARAT KE- 2.**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B Datuk Rashid Bin Din (Merbuk)
TARIKH : 23 Jun 2008
**SOALAN : Y.B Datuk Rashid Bin Din minta Menteri
Pertanian Dan Industri Asas Tani
menyatakan :**

Bolehkah kawasan sawah di Ban Merbuk Daerah Tanjung Dawai dimajukan sistem pengairannya supaya tanaman padi dua kali setahun dapat dilaksanakan.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian sentiasa melaksanakan program bagi memajukan sistem pengairan di Merbuk. Kawasan padi di Daerah Kecil Merbuk keseluruhannya keluasan 4,000 hektar meliputi kawasan skim ia itu Tandop Pekan Merbok 71 hektar, Sg. Gelam 110 hektar, Ban Merbok 1051 hektar dan selebihnya kawasan luar skim. Jumlah petani di kawasan ini adalah seramai 543 orang.

Skim Ban Merbuk merupakan skim saluran terkawal dimana sistem bekalan air lebih kepada kawalan saluran yang dibina pada tahun 1962 dan siap pada tahun 1987 dengan kos RM8.9 Juta. Dari masa ke semasa Kementerian melaksanakan tingkat taraf infrastruktur pertanian

kawasan seperti menaiktaraf ban pantai untuk mengelak air masin, mengorek parit, membina pintu air, jalan ladang dan lintasan bagi membantu petani mengusaha pertanian mereka. Di Skim Ban Merbuk terdapat 32 kilometer panjang parit utama (borrow pit); 32 kilometer ban pantai, 9 unit pintu kawalan pasang surut serta 22 batang parit sekunder. Tanaman padi skim ini bergantung pada air hujan.

Buat masa sekarang, hasil di luar musim adalah sebanyak 3.3 ton/hektar, manakala hasil di musim utama adalah sebanyak 3.5 ton/hektar.

Skim Pengairan Tandop Pekan Merbuk yang mendapat bekalan air dari Sg. Merbuk Kecil dan skim Sg. Gelam dari Sg. Bujang dilengkapi dengan sistem ibu bekalan, taliair konkrit, parit tanah serta struktur - struktur yang diselenggara dan dinaiktaraf dari semasa kesemasa yang membolehkan tanaman padi diusahakan 2 kali setahun.

Bagi membolehkan penanaman padi dijalankan 2 kali setahun, Kementerian merancang program seperti berikut :-

- a) Menaiktaraf pantai.
- b) Membaiki kerosakan dan menaiktaraf pintu kawalan pasang surut.
- c) Penyelenggaraan berkala taliair, parit, struktur dalam skim.
- d) Penyelenggaraan berkala parit-parit sekunder dan borrowpit Skim Ban Merbuk.
- e) Pembinaan struktur lintasan dan lain-lain kemudahan ladang.
- f) Membina jalan ladang baru serta menaiktaraf jalan yang sediaada.

Kementerian juga sedang merancang untuk melaksanakan projek menaiktaraf ban pantai Skim Ban Merbuk yang dianggarkan RM2.9 juta mulai akhir 2008.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B DATUK SIRINGAN BIN
GUBAT (RANAU)
TARIKH : 23 JUN 2008 (ISNIN)
SOALAN : DATUK SIRINGAN BIN GUBAT
(RANAU) minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan :-

Konsep serta kejayaan program pembangunan pertanian bersepadu (IADA). Bolehkah program ini dilaksanakan di daerah Ranau, Tambunan, Tenom, Keningau, Kota Marudu, Kota Belud, Pitas, Papar, Beluran, Tuaran dan Beaufort dalam masa terdekat di Sabah.

JAWAPAN : Oleh Y.B Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Tuan Yang Dipertua,

Pada asasnya, pendekatan pembangunan pertanian bersepadu mengutamakan integrasi segala usaha dan aktiviti di antara pelbagai Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia dan juga kiranya diperlukan agensi-agensi di bawah kementerian lain bagi menyediakan kemudahan infrastruktur pertanian dan khidmat-khidmat sokongan yang berkaitan.

Skop dan fungsi pembangunan sesebuah IADA ditentukan semasa penubuhannya berdasarkan Kajian Kemungkinan yang dijalankan.

Antara fungsi utama IADA adalah untuk:

- (i) meningkatkan infrastruktur pertanian terutamanya sistem pengairan dan saliran bagi kawasan pertanian tertentu;
- (ii) memperkukuhkan dan mengembangkan khidmat sokongan pertanian dan pengurusan pertanian,

- (iii) menyelaraskan aktiviti khidmat nasihat dan perkhidmatan pengembangan kepada golongan sasaran melalui program pembangunan manusia/latihan; dan
- (iv) membangunkan program pertanian seperti tanaman padi, sayur-sayuran dan buah-buahan serta projek ternakan dan ternak air.

Mulai Rancangan Malaysia Ke Tujuh dengan matlamat untuk mengoptimumkan penggunaan sumber-sumber yang terhad, skop pelaksanaan IADP telah difokuskan kepada pembangunan kawasan jelapang padi negara.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke Lapan, prestasi pelaksanaan/kejayaan yang dicapai oleh IADA jelapang padi adalah seperti berikut :

Terdapat 8 buah IADA yang terlibat dalam pembangunan sawah padi di kawasan jelapang di seluruh negara iaitu Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), IADA Kerian Sg. Manik, IADA Pulau Pinang, IADA Barat Laut Selangor, IADA Terengganu Utara (KETARA), IADA Seberang Perak dan IADA Kemasin Semerak. Keluasan bertanam sawah padi di bawah pengurusan agensi dan IADA-IADA tersebut ialah

369,656 hektar dengan pengeluaran hasil padi di antara 13,651 MT sehingga 874,550 MT setahun.

Di bawah projek, seramai kira-kira 95,894 orang terlibat secara langsung dengan aktiviti penanaman padi. Purata pendapatan sebulan pesawah yang menyertai projek ini telah dapat ditingkatkan daripada di antara RM54.00 hingga RM406.00 semasa sebelum menyertai projek kepada di antara RM 964.30 hingga RM2,046.50 setelah menyertai projek ini.

Pada tahun 2007, seramai kira-kira 1144 orang pesawah di bawah agensi dan IADA-IADA ini telah mencapai purata pengeluaran hasil padi di antara 8MT/ha hingga 9MT/ha manakala kira-kira 60 orang pesawah pula telah berjaya mencapai hasil melebihi daripada 10MT/ha semusim

Manakala prestasi pelaksanaan IADA bukan jelapang padi Sarawak dari Rancangan Malaysia Ke Lapan hingga ke tahun 2007 adalah seperti berikut:

- (i) IADA Kalaka Saribas dan IADA Samarahan telah membangunkan kawasan pertanian masing-masing seluas 1,904 ha dan 1,000 ha dengan pelbagai projek pertanian seperti nanas, mangga dan limau. Projek pertanian di IADA Kalaka

Saribas memberi manfaat kepada 2'608 orang peserta manakala IADA Samarahan kepada 2,500 orang peserta.

- (ii) Bagi pembangunan infrastruktur, IADA Kalaka Saribas telah menyelenggara 6 buah skim saluran seluas 8,700 ha, membina 2 skim saluran, menaiktaraf jalan ladang sepanjang 40.2km, membersih parit sedia ada sepanjang 205.7 km, pembinaan *bern* sepanjang 1.4 km, pembinaan *bund* sepanjang 1.8 km dan pembinaan 9 unit pintu air manakala IADA Samarahan membangunkan 7 skim blok yang merangkumi 8 *Lock Gate*, 167.46 km parit keliling, 82.75 km *internal drain*, 34.6 *cut off drain*, 18 *tidal control gate*, dan 47 unit *culvert*, menaiktaraf 16.8 km jalan ladang dan membina 4 unit Jambatan Belian.

Dalam tempoh masa terdekat, pelaksanaan projek-projek pertanian di negeri Sabah akan diteruskan di mana sejumlah RM 473,453,375 telah diperuntukkan bagi projek-projek pembangunan dalam sektor pertanian yang melibatkan 176 projek di negeri Sabah sahaja dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan.

SOALAN NO. : 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN HAJI
AHMAD [SIPITANG]

TARIKH : 23 JUN 2008

SOALAN :

DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD [SIPITANG]
MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN
STATUS PERANCANGAN PEMBINAAN JALAN
RAYA PAN BORNEO.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

**UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT,
STATUS PERANCANGAN DAN PEMBINAAN
JALAN RAYA PAN BORNEO YANG
MENGHUBUNGKAN WILAYAH SARAWAK DAN
SABAH MELALUI PEKAN SINDUMIN (SEMPADAN
SABAH-SARAWAK) KINI BERADA DIPERINGKAT
AKHIR PELAKSANAAN IAITU 1008 KM ATAU 97%
DARIPADA 1051 KILOMETER TELAH SIAP DIBINA.**

**DI NEGERI SABAH, LALUAN SEPANJANG 1008
KM YANG SUDAH SIAP INI MENGHUBUNGKAN
KOTA KINABALU DENGAN PEKAN-PEKAN
UTAMA SEPERTI KUDAT DI UTARA DAN
SANDAKAN DAN TAWAU DI TIMUR SABAH.**

ANTARA KOMPONEN-KOMPONEN JALAN YANG TERLIBAT IALAH :

- i) JALAN SEDIA ADA SINDUMIN – BEAUFORT – PAPAR – KOTA KINABALU;**
- ii) JALAN SEDIA ADA KOTA KINABALU – RANAU – SANDAKAN – LAHAD DATU – TAWAU – MEROTAI;**
- iii) JALAN KOTA KINABALU - KOTA BELUD – KUDAT;**
- iv) JALAN MEROTAI – KALABAKAN (SIAP RMK-8);**
- v) KALABAKAN – SAPULUT (SIAP RMK-9) ;**
- vi) SAPULUT – NABAWAN (SIAP RMK-8);**
- vii) NABAWAN – KENINGAU (SIAP RMK-8);**
DAN
- viii) KENINGAU – KIMANIS (SIAP RMK-9);**

BAKI JALAN BELUM DIBINA SEPANJANG 43 KILOMETER YANG MENGHUBUNG KALABAKAN DENGAN SERUDUNG (SEMPADAN SABAH-KALIMANTAN) TELAH PUN DIPOHON DALAM KAJIAN SEPARUH PENGGAL RMK-9. WALAU BAGAIMANAPUN, KEMENTERIAN MERANCANG UNTUK MELAKSANAKAN KERJA REKA BENTUK TERLEBIH DAHULU DALAM RMK-9. MANAKALA PEMBINAANNYA AKAN DILAKSANAKAN DALAM RMK-10. DENGAN SIAPNYA JALAN KALABAKAN – SERUDUNG INI KELAK, MAKA JARINGAN JALAN RAYA PAN BORNEO DI SABAH AKAN SIAP SEPENUHNYA.

**UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT,
BAGI NEGERI SARAWAK, JALAN PAN BORNEO
MERUPAKAN JALAN UTAMA SEDIA ADA DARI
SEMANTAN – KUCHING – SIBU – BINTULU – MIRI
– LIMBANG – LAWAS DAN SETERUSNYA KE
SINDUMIN, SABAH.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH
[LENGGONG]**

TARIKH : 23 JUN 2008

SOALAN:

Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan justifikasi mewujudkan sebuah Suruhanjaya Pelantikan Hakim-hakim. Apakah kaedah ini praktikal sedangkan, di Amerika Syarikat dan United Kingdom cadangannya datang daripada Perdana Menteri. Apakah kelemahan sistem yang ada selama ini dan dengan mendedahkan kelemahannya apakah ia akan memberikan imej baik kepada sistem kehakiman negara.

JAWAPAN:

Penubuhan sebuah Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman telah dicadangkan oleh Kerajaan supaya proses pelantikan hakim-hakim dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik, mengikut kriteria yang jelas dan telus yang telah ditetapkan dalam suatu Rang Undang-Undang. Ini akan menjamin bahawa

calon-calon yang terpilih adalah daripada mereka yang berintegriti dan paling berkelayakan. Proses yang lebih sistematik, jelas dan telus ini akan juga dapat menghindari daripada persepsi bahawa pelantikan hakim-hakim terbuka kepada pengaruh yang tidak wajar ataupun berunsur peribadi.

Kaedah ini praktikal dilaksanakan dan telah pun dilaksanakan di beberapa negara termasuk United Kingdom dan banyak negeri-negeri di Amerika Syarikat. Sama ada sesuatu kaedah itu praktikal atau baik untuk negara juga tidaklah bergantung kepada siapa yang mencadangkannya ataupun di mana ianya telah dilaksanakan. Ianya bergantung pada faktor-faktor tempatan serta kesesuaian untuk dilaksanakan di dalam negara kita mengikut acuan kita sendiri.

Sistem yang digunapakai sekian lama kini terlalu terdedah kepada tuduhan atau persepsi negatif mengenai penyelewengan atau pengaruh pihak luar. Ini adalah jelas daripada Laporan Suruhanjaya DiRaja Siasatan Mengenai Rakaman Klip Video Yang Mengandungi Imej Seorang Yang Dikatakan Sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara Berbual Melalui Telefon Mengenai Urusan Pelantikan Hakim-Hakim. Suruhanjaya DiRaja tersebut juga mengesyorkan supaya suatu suruhanjaya pelantikan hakim ditubuhkan. Suruhanjaya pelantikan hakim akan dapat menangani dan mengatasi kelemahan-kelemahan dalam sistem sedia ada. Oleh ini, Kerajaan akan mengambil langkah-langkah untuk menubuhkan suatu suruhanjaya pelantikan hakim untuk memperbaiki serta memulihkan kredibiliti badan kehakiman negara.

SOALAN NO: 61

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI BAHARUM BIN
MOHAMED (SEKIJANG)

TARIKH : 23 JUN 2008

SOALAN :

MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN
KENAPAKAH HAD LAJU DI LEBUHRAYA UTARA –
SELATAN BERMULA DARI PERSIMPANGAN
SIMPANG AMPAT/TAMPIN HINGGA KE
PERSIMPANGAN AYER KEROH , MELAKA HANYA
90KM/J TIDAK 110KM/J.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT,

HAD LAJU DI LEBUHRAYA UTARA – SELATAN BERMULA DARI PERSIMPANGAN SIMPANG AMPAT/TAMPIN HINGGA KE PERSIMPANGAN AYER KEROH, MELAKA HANYA 90KM/J TIDAK 110KM/J ADALAH BAGI MENGELAKKAN KEJADIAN KEMALANGAN DAN MEMASTIKAN TAHAP KESELAMATAN PEMANDU LEBUHRAYA TERJAMIN.

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, JAJARAN ANTARA PERSIMPANGAN SIMPANG AMPAT/TAMPIN HINGGA KE PERSIMPANGAN AYER KEROH MERUPAKAN ANTARA JAJARAN YANG MEMPUNYAI BANYAK LOKASI KAWASAN

LALUAN ANGIN LINTANG DAN MERBAHAYA
UNTUK KENDERAAN YANG DIPANDU LAJU
BERBANDING BAHAGIAN LAIN DI LEBUHRAYA
UTARA SELATAN. WALAUBAGAIMANAPUN BAGI
MEMASTIKAN KESERAGAMAN KELAJUAN
SEPANJANG PERJALANAN DI LEBUHRAYA DAN
SETELAH SEMUA ASPEK KESELAMATAN
DIAMBILKIRA, USAHA SEDANG DIBUAT UNTUK
MENAikkan HAD LAJU 90 KM/J TERSEBUT
KEPADA 110 KM/J. INI KERANA JAJARAN INI KINI
TELAH PUN TELAH DILEBARKAN KEPADA ENAM
(6) LORONG DAN REKA BENTUK LEBUHRAYA INI
DIBINA BERDASARKAN KELAJUAN PADA
110KM/J.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Tuan Wee Choo Keon
[Wangsa Maju]**

TARIKH : 23 Jun 2008

**SOALAN 62 : Tuan Wee Choo Keong
[Wangsa Maju] minta MENTERI
LUAR NEGERI menyatakan
berapakah jumlah keseluruhan kutipan
derma yang telah diserahkan oleh
pihak-pihak akhbar kepada "Tabung
Bencana Kementerian Luar Negeri"
untuk membantu mangsa-mangsa
bencana ribut salji (Bilzzard) di China
pada bulan Februari dan juga sama
ada derma-derma yang telah dikumpul
bersama dengan janji sebanyak US\$1
juta oleh Perdana Menteri telah
diserahkan kepada Kedutaan China.
Jika sudah, bila dan jika belum,
kenapa**

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju di atas soalan yang dikemukakan.

2. Sehingga 17 Jun 2008 jumlah keseluruhan sumbangan untuk membantu mangsa-mangsa bencana ribut salji di Republik Rakyat China dalam bentuk wang adalah **RM4,303,898.59**. Daripada jumlah ini, sebanyak **RM3,194,500.00 (US\$1 juta)** adalah merupakan sumbangan daripada Kerajaan Malaysia. Manakala **RM1,109,398.59** adalah merupakan sumbangan pihak awam menerusi "Tabung Bencana Kementerian Luar Negeri".

3. Semua sumbangan ini telah diserahkan kepada Duta Besar Republik Rakyat China pada 3 Jun 2008 dalam satu upacara penyerahan yang dilakukan di Kementerian Luar Negeri.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B PUAN FONG PO KUAN
(BATU GAJAH)

TARIKH : 23 JUN 2008

SOALAN:

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan syarikat yang diberi kontrak pembelian dakwat kuku, nilainya dan harga jualan semula oleh SPR. Bilakah Perkara 118 dan 119 Perlembagaan Persekutuan dan peraturan yang berkaitan akan dipinda bagi memastikan dakwat boleh digunakan pada pilihan raya.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak-pihak yang berminat untuk membeli semula dakwat kekal dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) belum lagi membuat keputusan untuk membeli dakwat kuku berkenaan, oleh yang demikian SPR tidak dapat memberikan nama syarikat yang diberi kontrak pembelian dan harga jualan yang ditawarkan.

- b) Soal Pindaan Perkara 118 dan 119 Perlembagaan Persekutuan tidak berbangkit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi melaksanakan penggunaan dakwat kekal, Perkara 118 Perlembagaan Persekutuan tidak perlu dipinda kerana ianya adalah berkaitan dengan petisyen pilihan raya dan tidak ada kaitan dengan kelayakan untuk mengundi. Kerajaan percaya ada pilihan lain selain daripada penggunaan dakwat kekal untuk memastikan seseorang pemilih hanya boleh mengundi sekali sahaja. Penggunaan dakwat kekal juga boleh menimbulkan banyak masalah seperti melewati proses pengundian dan menimbulkan ketegangan jika ada pihak-pihak yang enggan untuk menggunakannya.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BAGI JAWAPAN LISAN
DARIPADA: YB. DATUK TIONG THAI KING
 [LANANG]
TARIKH: 23 JUN 2008
SOALAN:

64. PR-1212-L14217
Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan warga bukan Bumiputera berasa tidak adil semasa pengambilan kakitangan awam baru, bagaimanakah Kerajaan memperbaiki ketidakadilan ini agar kadar pengambilan kakitangan awam dapat menggambarkan negara kita sebagai negara berbilang kaum.

JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA KEMENTERIAN YANG BERKENAAN.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI)
TARIKH : 23.6.2008

SOALAN:

Y.B TUAN JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI) minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk memberi kelonggaran kepada Menteri Besar Kedah, EXCO Pelajaran Kedah dan Ahli-ahli Parlimen Kedah untuk sama-sama mengiringi DYMM Sultan Kedah dalam upacara rasmi Kerajaan di sekolah-sekolah dan Maktab-maktab Perguruan di Kedah. Jika ia boleh diberikan, bolehkah Menteri memaklumkan kelonggaran ini kepada Jabatan Pendidikan Kedah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengeluarkan beberapa pekeliling berkaitan dengan undangan kepada tetamu Kehormat ke majlis-majlis rasmi di sekolah. Surat Pekeliling terbaru yang dikeluarkan oleh KPM berhubung perkara ini adalah Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/2008: *Mengundang Orang-Orang Kenamaan Ke Upacara Sekolah dan Penggunaan Premis Sekolah Oleh Pihak Luar* bertarikh 31 Mac 2008.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, KPM telah menetapkan bahawa semua majlis rasmi di sekolah seperti Hari Anugerah Kecemerlangan, Sukan Tahunan dan Mesyuarat Agung PIBG yang melibatkan majlis perasmian oleh orang-orang kenamaan atau individu-individu tertentu, hendaklah mendapat kebenaran daripada KPM melalui Pengarah Pelajaran Negeri masing-masing terlebih dahulu.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/2008: Mengundang Orang-Orang Kenamaan Ke Upacara Sekolah dan Penggunaan Premis Sekolah Oleh Pihak Luar** bertarikh 31 Mac 2008.

Surat Pekeliling Ikhtisas ini hendaklah dibaca berama-sama dengan Surat-Surat Pekeliling Ikhtisas Berikut:-

- i. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/1991: *Mengundang Orang-Orang Kenamaan Ke Upacara Sekolah/Institusi Pendidikan* bertarikh 16 Mei 1991.
- ii. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/1991: *Mengundang Orang-Orang Kenamaan Ke Upacara Sekolah/Institusi Pendidikan* bertarikh 12 September 1991.
- iii. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2004 : *Panduan Penglibatan Murid-Murid Sekolah Dalam Program Atau Aktiviti Anjuran Agensi-Agensi Selain daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia* bertarikh 16 September 2004.
- iv. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 14/1998: *Keberangkatan DYMM Sultan/Raja atau TYT Yang Dipertua Negeri Menghadiri Majlis Rasmi Sekolah* bertarikh 18 Julai 1988.
- v. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 10/1989: *Aturcara Majlis rasmi Sekolah* bertarikh 5 Oktober 1989
- vi. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1991: *Penggunaan Kemudahan Sekolah Oleh Pertubuhan dan Persatuan Belia* bertarikh 12 September 1991.

2. Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Keutuhan KPM

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Keutuhan pada **24 Mac 2008**, telah menetapkan bahawa semua majlis di sekolah seperti Hari Anugerah Kecemerlangan, Sukan Tahunan dan Mesyuarat Agung PIBG yang melibatkan majlis perasmian oleh orang-orang kenamaan atau individu-individu tertentu, hendaklah mendapat kebenaran daripada KPM melalui Pengarah Pelajaran Negeri masing-masing terlebih dahulu.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]

TARIKH : 23 JUN 2008 [ISNIN]

SOALAN : YB. TUAN AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI] minta MENTERI PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
mengapa kawasan Sibuti tidak diletak
dalam perancangan penanaman padi
memandangkan kawasan Sibuti seperti
Paya Selanyau dan Unga Mumong
merupakan tapak projek penanaman padi
yang telah diusahakan pada masa dahulu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sebenarnya Skim pengairan Paya Selanyau telah siap dibina pada tahun 1978 dengan luas kawasan seluas 526 hektar. Setiap tahun Jabatan Pengairan dan Saliran turut menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan ke atas infrastruktur yang dibina di skim berkenan. Walaubagaimanapun, kadar penggunaan tanah di skim ini agak rendah iaitu kira-kira 32 % sahaja. Tanaman yang diusahakan di skim ini antaranya adalah padi dengan keluasan 44 hektar dan diikuti oleh tanaman seperti nenas, tebu, jagung dan buah-buahan.

Bagi Skim Bunga Mummon pula, ia merupakan skim saluran untuk tanaman bukan padi yang telah siap dibina pada tahun 1970 dengan keluasan 382 hektar. Seluas 186.4 hektar daripada kawasan ini telah ditanam dengan kelapa sawit, 24.3 hektar ditanam dengan kelapa dan 9.5 hektar ditanam dengan buah-buahan. Masalah yang dihadapi di kawasan ini adalah tenaga buruh, kekurangan sumber air dan pemilik tanah tinggal di tempat lain. Sebahagian besar tanah di kawasan ini adalah tanah gambut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN**
TARIKH : **23 JUN 2008 (ISNIN)**
NO.PERTANYAAN : **NO.67**

Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar yang telah menerima pinjaman PTPTN pada tahun 2007 dan senaraikan mengikut pecahan kaum.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua, pada tahun 2007, PTPTN telah meluluskan pinjaman kepada sejumlah 160,564 peminjam dengan amaun pinjaman keseluruhan sebanyak RM3.89 bilion. Daripada jumlah tersebut, 70.92% adalah terdiri daripada kaum Melayu, 15.11% kaum Cina, manakala 6.71% adalah daripada kaum India dan selebihnya iaitu 7.26% adalah terdiri daripada lain-lain kaum.

SOALAN NO. 68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' DR MOHAMAD SHAHRUM
BIN OSMAN
[LIPIS]**

**TARIKH JAWAPAN : 23 JUN 2008
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

YB. Dato' Dr. Mohamad Shahrum Bin Osman minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan berapa jumlah laman blog yang wujud di negara ini dan senaraikan jumlah laman blog tersebut mengikut kategori.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian tidak mempunyai data rasmi mengenai jumlah laman web di Malaysia secara khusus. Namun menurut data yang diperolehi hasil kajian sebuah laman web yang berwibawa dalam mengesan jumlah laman web di alam siber, iaitu Technorati yang berpangkalan di Amerika Syarikat, pada April 2007 adalah dianggarkan terdapat hampir 3 bilion laman-laman web di alam siber dan dari jumlah tersebut, hampir 70 juta adalah merupakan laman blog. Sebanyak 120,000 laman blog baru diwujudkan di seluruh dunia iaitu lebih kurang 1.4 blog setiap saat setiap hari.

Ledakan bilangan laman blog ini adalah hasil kemajuan teknologi di mana laman-laman blog adalah amat mudah untuk dihasilkan. Sesiapa sahaja yang mempunyai capaian kepada internet boleh

mewujudkan laman blog melalui pelbagai hos laman web yang majoritinya berpangkalan di luar negara.

LAMPIRAN A

SOALAN 69

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK KAMARUL BAHARIN BIN
ABBAS [TELUK KEMANG]

TARIKH : 23 JUN 2008

SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:

- a) Sekurang-kurangnya lima sebab utama mengapa banyak kawasan pelancongan berpantai dan persisir pantai kini ada tanda-tanda mengalami kemerosotan kedatangan pelancong, dan
- b) Strategi dan perancangan bagi memastikan peningkatan kemajuan tahap industri pelancongan di kawasan tersebut.

Tuan Yang DiPertua,

- a) Untuk makluman YB, kawasan pelancongan berpantai dan pesisir pantai di Malaysia sebenarnya tidak mengalami tanda-tanda kemerosotan dari segi jumlah kedatangan pelancong.

Sebaliknya Kementerian Pelancongan menegaskan bahawa kawasan pelancongan berpantai dan pesisir pantai di Malaysia sentiasa mendapat tempat di kalangan pelancong-pelancong tempatan dan luar negara di negara ini.

Sebagai contoh, jumlah bilangan pelancong di kawasan pelancongan berpantai di Port Dickson telah meningkat sebanyak 3.06% dari 1,227,304 orang pada tahun 2006 kepada 1,264,896 orang pada tahun 2007.

- b) Antara strategi dan perancangan yang diadakan bagi terus meningkatkan kemajuan tahap industri pelancongan di kawasan pelancongan berpantai dan pesisir pantai adalah;
- i) Mengadakan promosi kawasan pesisir pantai melalui penganjuran acara-acara yang dapat menarik hati pelancong-pelancong,
 - ii) Menaik-taraf kemudahan-kemudahan serta infrastruktur di kawasan-kawasan tersebut, dan
 - iii) Mengadakan aktiviti-aktiviti sukan berpantai di peringkat antarabangsa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]

TARIKH : 23 JUN 2008

RUJUKAN : 1035

SOALAN :

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- (a) Jumlah kes membawa hukuman mati di peringkat perbicaraan setakat 1 Jun 2008 mengikut butiran kesalahan; dan**
- (b) Jumlah hukuman mati yang telah dilaksanakan terhadap tahanan mengikut jantina atas kesalahan dadah sehingga 1 Jun 2008.**

SOALAN NO:

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]
TARIKH : 7 JULAI 2008
RUJUKAN : 1102

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah tahanan wanita dan lelaki yang telah dilaksanakan dan masih menunggu hukuman gantung untuk dilaksanakan sejak tahun 2000 sehingga tarikh 1Jun 2008 mengikut butiran kesalahan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersama dengan soalan daripada Yang Berhormat Kelana Jaya juga yang bertarikh 7 Julai 2008 kerana ia menyentuh perkara yang sama. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kelana Jaya yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut statistik Jabatan Penjara yang berakhir pada 1 Jun 2008, jumlah reman bagi mereka yang masih di peringkat perbicaraan dan jika disabitkan bersalah oleh mahkamah boleh dikenakan hukuman mati adalah seramai 1,116 orang. Daripada jumlah ini, seramai 17 orang dibicarakan di bawah Akta Senjata Api; 730 orang dibicarakan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan; 13 orang dibicarakan di bawah Akta Colek; dan 356 orang dibicarakan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya. Bagi tempoh dari tahun 1999 hingga Jun 2008, sebanyak 8 hukuman mati telah dilaksanakan terhadap banduan yang didapati

bersalah di bawah Akta Dadah Berbahaya dan kesemua jumlah ini melibatkan banduan lelaki sahaja.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk tempoh tahun 2000 hingga 1 Jun 2008, Jabatan Penjara telah melaksanakan sebanyak 19 hukuman mati ke atas banduan. Daripada jumlah ini, hanya 1 hukuman mati melibatkan banduan wanita yang didapati bersalah kerana membunuh di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan. Sementara bagi baki 18 hukuman mati yang melibatkan banduan lelaki, 6 orang telah didapati bersalah kerana membunuh di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan, 8 orang didapati bersalah kerana mengedar dadah di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya dan 4 orang didapati bersalah di bawah Seksyen 121 Kanun Keseksaan kerana melancarkan peperangan terhadap Yang Di Pertuan Agong.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]
TARIKH : 23 JUN 2008
SOALAN : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]

Minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada tahap ketelusan dapat dipertingkatkan bersabit Jawatankuasa Pemandu (JKP) Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera (BPPB) yang mensyaratkan sumbangan wang daripada pemaju sebelum Certificate of Fitness For Occupation (CFO) dapat dikeluarkan untuk projek perumahan.

JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang di-Pertua,

Sumbangan wang daripada pemaju sebelum *Certificate of Fitness for Occupation* (CFO) dikeluarkan adalah merupakan keputusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 27 September 1995 dan mula dikuatkuasakan pada 26 Jun 1996. Selepas 14 Mei 2008, pengurusan kawalan kuota telah diambilalih oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Difahamkan, Kerajaan Negeri masih meneruskan mekanisme tersebut yang kini sedang

dilaksanakan oleh Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri.

NO. SOALAN : ~~71~~ 72

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA.**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ISMAIL BIN KASSIM
TARIKH : 23 Jun 2008

SOALAN

DATUK ISMAIL BIN KASIM [ARAU] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sebagai sektor terpenting dalam pertumbuhan ekonomi negara, bagaimanakah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) akan memainkan peranan dalam usaha Kementerian untuk memartabatkan koperasi ke arah memperkukuhkan sektor ini supaya lebih mapan, stabil dan teratur dalam urusan pentadbiran, aktiviti dan perniagaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk menjadikan sektor koperasi sebagai sektor ketiga terpenting dalam pertumbuhan ekonomi negara, pihak Kementerian melalui

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) berusaha ke arah memperkukuhkan sektor koperasi di negara ini dengan membangunkan koperasi ke arah menjadikannya lebih kompetitif, berdaya tahan, berdaya saing dan progresif. Antara usaha-usaha untuk memartabatkan koperasi ke arah memperkukuhkan sektor ini tindakan-tindakan yang diambil ialah;

- i) meningkatkan penglibatan koperasi dalam perniagaan berskala besar melalui strategi-strategi berikut:**
 - a. program berkelompok yang terdiri daripada program mentor-mentee, vendor dan koperasi pemasaran;**
 - b. program kluster melalui pembangunan rantai nilai yang melibatkan aktiviti yang mempunyai nilai tambah, dan**
 - c. program peningkatan kerjasama antara koperasi dengan koperasi dan antara koperasi dengan pihak swasta. Sebagai contoh, program francais, *co-branding* iaitu pemasaran berasaskan penjenamaan bersama dengan syarikat swasta, *groom-big* iaitu pembesaran aktiviti koperasi dalam satu bidang, pepadanan perniagaan dan *technopreneur* iaitu kerjasama koperasi dengan agensi-agens teknikal.**

- ii) memperkenalkan sektor-sektor baru serta peluang-peluang perniagaan baru yang boleh diceburi oleh koperasi dan membantu koperasi yang menghadapi masalah memasarkan produk mereka;
- iii) membangunkan modal insan di kalangan anggota koperasi melalui latihan keusahawanan, program bimbingan dan pemantapan perniagaan;
- iv) menggalakkan penubuhan koperasi-koperasi baru yang boleh menjana kekayaan terutama penubuhan koperasi di luar bandar dalam bidang pertanian berskala besar. Selain berperanan sebagai satu instrumen untuk mempertingkatkan tahap sosio-ekonomi masyarakat, koperasi dapat membantu dalam mengatasi masalah kemiskinan;
- v) menyokong supaya gerakan koperasi boleh terus membangun dan berkembang, kerajaan telah menyediakan kemudahan-kemudahan pembiayaan seperti bantuan pembangunan dan kemudahan pinjaman melalui Tabung Modal Pusingan (TMP). Di bawah RMKe-9, peruntukan bagi bantuan pembangunan adalah sebanyak RM42.0 juta dan peruntukan di bawah TMP bagi tahun 2008 adalah sebanyak RM70.0 juta;

- vi) di samping membina ketahanan koperasi, SKM juga menekankan peningkatan tadbir urus dengan memberi penekanan kepada sikap beramanah dan berintegriti dalam operasi koperasi. Buku panduan seperti ETIKOP dan TADBIR URUS KOPERASI telah dikeluarkan untuk dijadikan amalan pada gerakan koperasi; dan**

- vii) membina upaya kakitangan SKM dengan ilmu dan kecekapan baru untuk meningkat kompetensi mereka ke arah mengerakkan sektor koperasi ke tahap cemerlang.**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM (SERIAN)
TARIKH : 23.6.2008

SOALAN:

Y.B. DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM (SERIAN) minta Menteri Pelajaran menyatakan oleh kerana kebanyakan bangunan-bangunan sekolah rendah di pedalaman Sarawak termasuk di kawasan Parlimen Serian uzur, nyatakan rancangan Kementerian untuk menggantikan atau sekurang-kurangnya membaik pulih bangunan-bangunan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperuntukkan sejumlah RM655.9 juta di bawah Peruntukan Mengurus pada tahun 2008 kepada Pejabat Pelajaran Gabungan Serian, khusus untuk projek menyelenggara dan membaikpulih bangunan-bangunan sekolah rendah yang uzur di kawasan Parlimen Serian.

Di bawah Peruntukan Pembangunan pula, dalam RMKe-9 sebanyak 39 projek prasekolah, 6 projek sekolah rendah, 6 projek Sekolah Menengah, 3 projek rumah guru, 5 projek asrama, 1 projek Pejabat Pelajaran Daerah Kecil, 36 projek ubahsuai naiktaraf dan 19 projek bekalan elektrik melalui janakuasa telah diluluskan untuk kawasan Serian. Daripada 115 projek tersebut, 44 projek telah siap dilaksanakan.

PERTANYAAN NO: 74

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN

KAWASAN : SEPANGGAR

RUJUKAN : 1036

TARIKH : 23 JUN 2008

Y.B. Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan rakyat asing khususnya Filipina yang berada di negara kita khususnya di Sabah dan jumlah mereka yang telah mendapat kerakyatan Malaysia termasuk rakyat dari Indonesia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua ,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli yang Berhormat Sepanggar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini hanya mempunyai maklumat rakyat Filipina yang menetap di Sabah yang diiktiraf sebagai 'pelarian'. Berdasarkan pendaftaran bilangan mereka yang menetap di Sabah ialah seramai 57,194 orang. Manakala rakyat Filipina yang menetap di Sabah tanpa dokumen yang sah atau yang dikategorikan sebagai pendatang tanpa izin adalah tidak diketahui.

Sejak tahun 2004 hingga Mei 2008 bilangan rakyat Filipina yang mendapat taraf kewarganegaraan ialah seramai 1,742 orang. Manakala rakyat Indonesia seramai 3,186 orang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO
(PUCHONG)
TARIKH : 23 JUN 2008 (ISNIN)

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo (Puchong) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah wang yang digunakan untuk iklan-iklan termasuk iklan televisyen seperti ESPN dalam masa lima tahun yang lalu dan keberkesanannya.

JAWAPAN

1. Saluran ESPN Malaysian Sports Centre bermula sejak April 2007 memaparkan acara sukan antarabangsa dan tempatan. Rancangan Malaysia Sports Centre itu adalah program selama 30 minit, ditayangkan lima kali sehari iaitu dua secara siaran langsung dan tiga kali siaran ulangan. Pegawai daripada Kementerian Belia dan Sukan juga terbabit sebagai pasukan editorial ESPN Sports Centre Malaysia dan rancangan itu diterbitkan oleh rakyat Malaysia sendiri yang berpangkalan di Kuala Lumpur walaupun proses penyuntingan dan penapisan editor ESPN dibuat berpangkalan di Singapura.

2. Tujuan utama penajaan untuk program ESPN Malaysian Sports Centre adalah untuk mewujudkan dan memaparkan idola sukan tanah air dan mempromosi budaya sukan di kalangan rakyat Malaysia. Rancangan itu akan memaparkan aktiviti dan acara sukan tempatan, sebagai contoh Liga M, sebelum digabungkan dengan berita-berita sukan antarabangsa. Rancangan ESPN Sports Centre Malaysia selama setengah jam itu adalah yang ketiga seumpamanya di Asia selepas Hong Kong dan Singapura.

3. Bagi program Rakan Muda perbelanjaan bagi iklan-iklan yang telah di buat ialah seperti berikut :-

Tahun 2006	-	Penggunaan akhbar Sisipan Yo untuk 24 keluaran RM2,400,000.00
Tahun 2007	-	Penggunaan akhbar Sisipan Yo untuk 24 keluaran RM2,400,000.00
	-	Iklan Klip Gaya Hidup Rakan Muda dan kad keahlian Rakan Muda di TV1, TV2 dan TV3 RM722,064.00
	-	Berita dan iklan TV dan di surat khabar Malaysia Today RM1,309,952.23
Tahun 2008	-	Sisipan Yo untuk 11 keluaran RM1,100,000.00 (Sehingga Mei 2008)
	-	Iklan Klip Gaya Hidup Rakan Muda RM330,582.00 di TV1, TV2 dan TV3

- Berita dan iklan di surat khabar Malaysia Today (hingga Mei 08) **RM256,620.00**
- Produksi Klip Gaya Hidup **RM200,000.00**
- Promosi Rakan Muda di monorel (bermula Ogos 2008) **RM359,220.00**
- Berita dan iklan (logo buy) dan Advertorial di surat khabar utama **RM76,219.92**

JUMLAH KESELURUHAN = RM 9,154,658.15

4. Majlis Penggalakan Ekonomi Belia (MPEB) telah menyertai Program Perkampungan Hadhari TV9 & Karnival Jom Heboh TV3 pada tahun 2007 sebagai satu langkah promosi program keusahawanan yang dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Pihak Kementerian telah menyertai 7 siri pameran Perkampungan Hadhari dan Jom Heboh. Promosi ini melibatkan kos berjumlah **RM921,726.75** termasuk iklan di televisyen.

5. Melalui iklan-iklan tersebut, seramai 32 655 orang belia yang berminat dalam bidang keusahawanan telah membuat pendaftaran semasa karnival berlangsung. Selepas membuat pendaftaran, belia-belia telah dijemput untuk mengikuti Seminar Keusahawanan Muda bagi memberi maklumat yang lebih jelas kepada belia tentang peluang-peluang dalam bidang keusahawanan yang ditawarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan serta lain-lain agensi di dalam MPEB.

6. Manakala keberkesanan daripada promosi yang dijalankan oleh Bahagian Pembangunan Rakan Muda mulai pertengahan tahun 2007 Bahagian Pembangunan Rakan Muda telah mula memperkenalkan Kad Keahlian Rakan Muda dan telah dilancarkan pada 18 September 2007 yang lepas. Sehingga 27 Mei 2008 seramai 83,387 orang remaja berumur antara 15 – 25 tahun telah mendaftar sebagai Ahli Rakan Muda dan mensasarkan sekurang-kurangnya keahlian Rakan Muda menjangkau sehingga 1juta keahlian.

7. Melalui pendekatan ini juga, Kementerian melalui Bahagian Rakan Muda ini mempromosikan programnya ke peringkat akar umbi melalui pendekatan '*Out Reach*' dengan menyampaikan informasi dan maklumat terkini melalui program-program Kementerian Belia dan Sukan kepada generasi muda bagi menarik minat golongan remaja ini di pelbagai penempatan belia untuk menyertai program Rakan Muda untuk mengurangkan '*indicator*' masalah sosial terutamanya remaja berpelesenan dan remaja yang tidak menggunakan masa lapang secara produktif. Secara keseluruhannya pelaksanaan program-program Rakan Muda mencapai sasaran dan objektif pelaksanaan program-program yang dirancang dan setiap tahun penyertaan untuk program Rakan Muda sentiasa meningkat sebagai contohnya bagi tahun 2007 sahaja jumlah penyertaan program Rakan Muda berjumlah 511,930 orang berbanding tahun 2006 seramai 387,533 orang

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN RAIME BIN UNGGI
TARIKH : 23 JUN 2008 (ISNIN)
NO. PERTANYAAN : NO.76

Tuan Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar dan universiti asing yang telah menjayakan pakej Edu-Tourism dengan tujuan memperluas dan melipatgandakan usaha memasar dan mempromosikan pendidikan Malaysia

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pakej *Edu-Tourism* yang diperkenalkan pada Disember 2007 oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Kementerian Pelancongan merupakan salah satu daripada galakan dan tarikan pelajar antarabangsa untuk datang belajar di negara ini. Program-program yang ditawarkan adalah program jangka pendek berteraskan bahasa dan budaya seperti kursus Bahasa Inggeris, *motivation camps*, *summer camps*, *cultural immersion programmes* dan *homestay programmes*.

Pakej *Edu-Tourism* ini telah di laksanakan di HELP University College, Life College, Kinabalu Commercial College, Kolej Universiti SUNWAY, Kolej INTI Sarawak, SEGI College, Penang, ELS Language Centres. Pihak Kementerian yakin dengan kejayaan program seumpama ini dan akan terus menjayakannya selaras dengan matlamat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkui 2020 untuk meningkatkan bilangan pelajar asing belajar di IPT negara ini. Enrolmen pelajar antarabangsa di IPTA pada Disember 2007 adalah seramai 14,324 orang dan di IPTS adalah 33,604 orang.

LAMPIRAN B

SOALAN 77

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT
ISA [BACHOK]**

TARIKH : 23 JUN 2008

**SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:**

dari 1 Januari 2007 hingga 30 Jun2008, berapakah kos lawatan keluar negara promosi pelancongan dan berapa ramaikah pelancong asing yang melawat Malaysia pada tahun yang sama.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Seperti yang semua sedia maklum tahun 2007 merupakan Tahun Melawat Malaysia. Program ini telah dipanjangkan sehingga bulan Ogos 2008 sempena 50 tahun kemerdekaan negara kita. Pelbagai kaedah telah digunakan untuk membuat promosi kepada masyarakat antarabangsa mengenai Tahun Melawat Malaysia dan acara-acara pengisiannya.

Dari 1 Januari 2007 sehingga 31 Disember 2007, sejumlah RM40 juta telah dibelanjakan untuk tujuan promosi di luar negara. Sehingga 30 Jun 2008 pula, sejumlah RM20.5 juta dibelanjakan untuk membuat promosi di luar negara. Kesemua perbelanjaan ini termasuk yuran penyertaan pameran, penyediaan ruang pameran atau 'booth' penghantaran bahan-bahan promosi, membawa para penari dan chef untuk promosi kebudayaan dan makanan Malaysia.

Sepanjang tahun 2007, Malaysia telah menerima seramai 20.97 juta pelancong. Ini merupakan satu peningkatan yang baik berbanding

tahun 2006 dimana seramai 17.55 juta pelancong telah berkunjung ke negara ini. Begitu juga dengan pendapatan dari pelancong telah meningkat dari RM36.3 bilion pada tahun 2006 menjadi RM46.1 bilion pada tahun 2007.

Untuk tahun 2008 pula, dari 1 Januari 2008 ke 31 Mei 2008, seramai 9 juta pelancong telah berkunjung ke negara ini berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas iaitu seramai 8.8 juta orang.

Peningkatan ini menunjukkan satu kesan yang positif terhadap segala usaha mempromosikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan antarabangsa disamping mengekalkan keunikan budaya dan alam semulajadinya.

Tuan Yang DiPertua,

Selain daripada itu, usaha-usaha juga sedang giat dilaksanakan untuk menarik lebih ramai pelawat harian dari negara-negara jiran untuk singgah lebih lama di Malaysia dengan mempromosikan pakej-pakej baru ke destinasi-destinasi pelancongan yang terdapat di Malaysia.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh Januari hingga Disember 2007, seramai 20,972,822 juta orang pelancong asing telah melawat Malaysia iaitu meningkat sebanyak 19.5% berbanding tempoh sama 2006.

Manakala untuk tempoh Januari hingga Jun 2008, dianggarkan seramai 11.0 juta orang pelancong asing akan direkodkan masuk ke Malaysia. Jumlah ini bakal menunjukkan peningkatan sebanyak 1.3% berbanding tempoh yang sama Januari hingga Jun tahun 2007 iaitu 10.7 juta orang pelancong mengikut rekod Jabatan Imigresen Malaysia.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN TAN AH ENG
(GELANG PATAH)
TARIKH : 23.6.2008

SOALAN:

Y.B. PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH) minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah tarikh pelaksanaan dan bilangan pengambilan Kursus Dalam Cuti (KDC) untuk Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) bagi tahun 2008 dan apakah persediaan pihak BPG untuk menjalankan latihan dalam dwi opsyen iaitu Pengajian Cina dan Pengajian Melayu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan menawarkan Kursus Dalam Cuti (KDC) bagi guru sandaran tidak terlatih (GSTT) yang berkelayakan mulai bulan November 2008 iaitu semasa cuti sekolah hujung tahun. GSTT KDC adalah bagi mengisi keperluan guru untuk mata pelajaran kritikal terutamanya di sekolah-sekolah pedalaman.

Program latihan guru KPM tidak membenarkan seseorang calon untuk mengambil pengkhususan dalam dua mata pelajaran bahasa utama. Sebagai contoh, Bahasa Melayu (BM) dan bahasa Inggeris (BI), Bahasa Melayu (BM) dan Bahasa Cina (BC), Bahasa Melayu (BM) dan Bahasa Tamil (BT), Bahasa Melayu (BM) dan Bahasa Arab (BA), dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dwi opsyen selalunya melibatkan mata pelajaran bahasa dengan mata pelajaran akademik yang lain misalnya :

- BM dan Pendidikan Seni Visual,
- BM dan Sains
- BC dan Kemahiran Hidup,
- BC dan Matematik,
- BT dan Pendidikan Jasmani.

KPM bersedia untuk mengkaji dan membuat penambahbaikan latihan pendidikan keguruan demi menghasilkan guru yang berkualiti iaitu guru-guru yang mahir dan kompetent dalam *pedagogical knowledge* dan *content knowledge* untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
(SELAYANG)
TARIKH : 23.6.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN (SELAYANG) minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk memansuhkan sistem bantuan bagi SJK(C) dan (T), dan digantikan dengan sistem baru yang meliputi bayaran elektrik, air dan pembetulan yang kini ditanggung oleh Lembaga Pengelola Sekolah dan PIBG.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak bercadang untuk memansuhkan sistem bantuan kepada SJK (C) dan SJK (T) yang diamalkan pada masa ini kerana kaedah yang diamalkan telah meliputi peruntukan bagi bayaran bil elektrik, air dan pembetulan.

Peruntukan yang disalurkan bagi tujuan bayaran bil utiliti sekolah dibuat melalui dua cara iaitu:

- i. peruntukan yang disalurkan kepada Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) bagi menjelaskan semua bil utiliti sekolah berkenaan;

- ii. peruntukan terus kepada setiap sekolah melalui Bantuan Per Kapita (PCG) dimana peruntukan ini boleh digunakan bagi tujuan bayaran bil utiliti jika sekiranya peruntukan di atas tidak mencukupi.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DR. HIEW KING CHEU
(KOTA KINABALU)**

TARIKH : 23.6.2008

SOALAN:

Y.B. DR. HIEW KING CHEU (KOTA KINABALU) minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan penjawat mengikut bangsa bagi kategori Pengarah, Timbalan Pengarah, Ketua Sektor, Pegawai Pelajaran Gabungan dan Pegawai Pelajaran Daerah yang terdapat di dalam Jabatan Pelajaran Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di.Pertua,

Penjawat awam mengikut bangsa di Jabatan Pelajaran dan Pejabat Pelajaran Gabungan dan Daerah di Sabah adalah seperti berikut:

Jawatan	Bangsa
Pengarah	Idahan
Timbalan Pengarah	Dusun
Ketua Sektor SPS	Brunei
Ketua Sektor SPA	Bajau
Ketua Sektor SPK	Irranun
Ketua Sektor SPPIM	Melayu
Ketua Sektor S3P	(belum diisi)
Ketua Sektor Swasta & Khas	Melayu
KPP BTP	Melanau
KPP Peperiksaan	Melayu

Ketua Sektor Jaminan Kualiti	Bidayuh
KPP Jemaah Nazir	Dusun
Ketua Sektor ICT	Kadazan
PPG Kota Kinabalu	Ubian
PPG Kota Belud	Bajau
PPG Kota Marudu	Dusun
PPG Sandakan	Dusun
PPG Tawau	(belum diisi)
PPG Keningau	Kadazan
PPG Lahad Datu	India
PPG Beaufort	(belum diisi)
PPD Papar	Bajau
PPD Kuala Penyu	Bisaya
PPD Sipitang	Brunei
PPD Tuaran	Bajau
PPD Penampang	Dusun
PPD Ranau	Dusun
PPD Tamparuli	Brunei
PPD Kudat	Suluk
PPD Pitas	Sungai
PPD Beluran	Brunei
PPD Kinabatangan	Bugis
PPD Sempoma	Bajau
PPD Kunak	Dusun
PPD Telupid	Dusun
PPD Membakut	Brunei
PPD Tenom	Murut
PPD Tambunan	Murut
PPD Nabawan	Murut

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN SALLEH BIN KALBI (SILAM)

TARIKH : 23 JUN 2008 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. Tuan Salleh Bin Kalbi (Silam) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan Kerajaan ke atas anak-anak Filipina yang dikenali sebagai "*stateless children*" yang terlibat dengan pelbagai masalah sosial sebelum media-media barat menggembar-gemburkan isu ini dan merosakkan imej negara kita.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedar bahawa terdapat ramai kanak-kanak jalanan warga asing di negara ini. Kehadiran mereka boleh menimbulkan gejala sosial dan masalah keselamatan serta menjejaskan imej negara sekiranya tidak ditangani secara bersepadu oleh pihak kerajaan.

Memandangkan kanak-kanak tersebut adalah "*stateless children*" yang tidak mempunyai sebarang dokumen, adalah sukar untuk mengenal pasti negara asal kanak-kanak tersebut bagi tujuan penghantaran pulang.

Penguatkuasaan dijalankan oleh Jabatan Imigresen, Polis DiRaja Malaysia atau Pasukan Petugas Khas di bawah Majlis Keselamatan Negara sementara KPWKM berperanan dalam memastikan kebajikan dan perlindungan bagi kanak-kanak tersebut setelah ditahan oleh pihak berkuasa. Bagi menyelaraskan tindakan yang diambil oleh agensi yang berkaitan, satu jawatankuasa penyelarasan telah

ditubuhkan bagi menangani masalah kanak-kanak jalanan di negeri Sabah. Jawatankuasa ini dipengerusikan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan dianggotai oleh pelbagai agensi seperti Kementerian Pelajaran, Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara, Polis DiRaja Malaysia, Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan dan Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah.

Antara tindakan yang telah diambil bagi menangani isu kanak-kanak jalanan ini ialah:

- i. melibatkan pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam mana-mana operasi penguatkuasaan yang dijalankan oleh Jabatan Imigresen, Polis DiRaja Malaysia atau Pasukan Petugas Khas di bawah Majlis Keselamatan Negara. Tindakan ini penting supaya kanak-kanak yang ditahan dalam operasi tersebut diberikan perlindungan di institusi-institusi JKM berdasarkan peruntukan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001

serta keperluan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC);

ii. Kementerian ini juga telah menyalurkan RM250,000 kepada Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah untuk menyediakan kemudahan mesra kanak-kanak di Rumah Perlindungan Ehsan di Pusat Tahanan Sementara Menggatal, Sabah. Peruntukan tersebut termasuklah bagi menyediakan peralatan tempat tinggal, membeli makanan tambahan dan bekalan susu serta kemudahan untuk aktiviti yang menyokong perkembangan kanak-kanak seperti bahan pelajaran dan alat permainan; dan

iii. memandangkan aspek pendidikan merupakan aspek yang perlu diberi perhatian kepada kanak-kanak jalanan ini, Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah telah melantik guru-guru bagi memberi pendidikan kepada kanak-kanak jalanan yang berada di Rumah Perlindungan Ehsan. Hal ini bagi memastikan

kanak-kanak tersebut mendapat pendidikan asas yang diperlukan.

SOALAN NO. 82**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
KAWASAN : REMBAU
TARIKH : 23.06.2008 (ISNIN)

SOALAN:

Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan strategi yang dipakal untuk menarik pelaburan dalam sektor yang mempunyai rantaian nilai lebih tinggi, seperti yang telah dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan adakah usaha tersebut telah menghasilkan kejayaan seperti yang dirancang.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk menarik pelaburan ke dalam negara, sama ada pelaburan asing ataupun domestik. Tumpuan pelaburan adalah kepada produk atau aktiviti bernilai ditambah yang lebih tinggi, termasuk aktiviti berteknologi tinggi, berintensif modal dan berintensif pengetahuan, seperti yang telah dikenalpasti dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) dan Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) sebagai bidang pertumbuhan baru.

Selaras dengan strategi yang digariskan dalam RMK9, IMP3 mengenal pasti dasar dan strategi yang menyumbang kepada teras pembangunan

perindustrian dalam RMK9. Penekanan diberi kepada usaha untuk menarik dan menjana pelaburan bernilai ditambah yang tinggi, meningkatkan tahap aplikasi teknologi, membangunkan modal insan yang inovatif dan kreatif, dan mengintegrasikan Industri dan perkhidmatan Malaysia ke dalam rangkaian dan rantaian bekalan serantau dan global.

Antara dasar dan strategi yang diutamakan untuk menarik pelaburan dalam aktiviti bernilai ditambah yang lebih tinggi termasuk:

- mewujudkan iklim pelaburan yang kondusif, melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang liberal dan telus, untuk memberi keyakinan kepada pelabur;
- mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di semua peringkat, termasuk di peringkat Kerajaan negeri dan kerajaan tempatan.
- menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaburan (JKMP) bagi menilai dan meluluskan permohonan pelaburan yang memberi impak tinggi kepada negara;
- menawarkan insentif-insentif fiskal dan bukan fiskal;
- mengenal pasti dan mensasarkan para pelabur yang berpotensi dalam aktiviti bernilai ditambah yang lebih tinggi, dan seterusnya menghantar '*special promotion team*' bagi memberi penerangan, memblincang dan menawarkan insentif galakan istimewa;
- menganjurkan misi perdagangan dan pelaburan ke negara-negara pengeksport utama modal dan teknologi; dan

menganjurkan '*Specific Project Mission*' yang memberikan fokus kepada industri-industri dan syarikat-syarikat dalam bidang-bidang yang telah disasarkan.

Sejajar dengan pendekatan penggalakan pelaburan yang lebih fokus, Kerajaan menggalakkan pelaburan terutamanya dalam bidang yang mempunyai rantai nilai lebih tinggi, seperti *advanced electronics, solar cells, pharmaceuticals*, mesin dan peralatan, petrokimia, bioteknologi, *photonics* dan nanoteknologi.

Tuan Yang Dipertua,

Hasil daripada pelaksanaan dasar dan strategi yang telah dikenal pasti dalam RMK9 dan IMP3, jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan di Malaysia terus menunjukkan pencapaian yang menggalakkan. Bagi tempoh Januari 2007 hingga April 2008, sejumlah 1,210 projek perkilangan telah diluluskan dengan nilai pelaburan sebanyak RM83.8 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM50 bilion atau 59.7 peratus merupakan pelaburan asing, manakala RM33.8 bilion atau 40.3 peratus adalah pelaburan domestik.

Daripada jumlah bilangan projek yang diluluskan bagi tempoh berkenaan, 42 projek, dengan pelaburan sebanyak RM34.2 bilion, telah diluluskan dengan insentif istimewa (*customised incentives*). Insentif ini adalah bagi menggalakkan projek yang berintensifkan teknologi, modal dan R&D, berasaskan kemahiran dan pengetahuan dan berupaya mewujudkan rantalan Industri yang ketara, serta menyumbang kepada pembangunan perkhidmatan sokongan sektor perkilangan, seperti perolehan, pemasaran dan pengedaran. Geran latihan dan geran pembangunan dan penyelidikan (R&D), adalah termasuk dalam insentif istimewa berkenaan.

Dari segi intensiti modal pula, seperti yang diukur oleh nisbah pelaburan modal bagi setiap pekerja (CIPE), projek diluluskan bagi tempoh Januari 2007 hingga April 2008 adalah RM661,124 berbanding dengan RM517,054 pada tahun 2006. Nisbah CIPE yang kian meningkat mencerminkan trend pelaburan dan pengeluaran ke arah projek bernilai ditambah yang lebih tinggi, berintensifkan modal dan berteknologi tinggi.

SOALAN NO. (83)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN ABDULLAH BIN ABDUL HAMID
(KUALA LANGAT)**

TARIKH : 23 JUN 2008 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. TUAN ABDULLAH BIN ABDUL HAMID (KUALA LANGAT) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah Balai Bomba Banting Kuala Langat boleh dinaik taraf dari gred C kepada gred A memandangkan pembangunan pesat di sektor perkilangan dan perumahan yang begitu pantas dan pastinya Balai Bomba yang dikategorikan gred C ini tidak mampu untuk mencegah dan mengawal sekiranya sesuatu bencana berlaku.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Pada masa ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak bercadang untuk menaikkan taraf Balai Bomba Banting kerana didapati Balai Bomba ini mampu memberikan perlindungan kebakaran di kawasan jagaannya dengan baik dan berkesan.

**Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan**

Jun 2008

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
(KUANTAN)

TARIKH : 23 Jun 2008

SOALAN:

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai daftar pemilih bagi nama-nama yang wujud dalam tahun 2004 bernombor kad pengenalan lama telah dikeluarkan dalam tahun 2006 tetapi telah dimasukkan semula pada tahun 2008 bernombor kad pengenalan baru dan lama.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia telah dapat mengesan sebanyak 22,433 orang pemilih yang tiada memiliki kad pengenalan 12 angka pada tahun 2004. Oleh kerana terdapatnya keraguan ke atas pemilih berkenaan, nama-nama pemilih tersebut dikeluarkan sementara dari daftar pemilih pada tahun 2006 untuk tujuan semakan lanjut. Hasil daripada semakan yang dibuat dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), SPR mendapati 6,235 orang telah memiliki kad pengenalan 12 angka, oleh itu nama mereka telah dimasukkan semula ke dalam daftar pemilih. Bagi baki senarai nama pemilih yang berjumlah 16,198 orang ianya telah dihantar ke Pejabat-pejabat Pilihan Raya Negeri untuk tujuan semakan diperingkat tempatan. Hasil daripada semakan yang dibuat, SPR mendapati 1,745 orang pemilih masih lagi hidup, 1,583 orang telah meninggal dunia dan 11,842 orang lagi tidak dapat dikesan. Disamping itu, 1,028 orang pemilih lagi masih dalam siasatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Urus Setia SPR akan memperakukan nama-nama 1,745 orang pemilih yang masih hidup kepada Panel SPR supaya dimasukkan ke dalam daftar pemilih semasa. Kemasukan nama-nama pemilih ini dijanjika dapat diselesaikan dalam urusan pendaftaran dan penyemakan daftar pemilih bagi suku kedua tahun 2008 ini. Siasatan bagi 1,028 orang pemilih yang belum selesai akan dilakukan dalam sedikit masa lagi.

Manakala bagi 11,842 orang pemilih yang tidak dapat dikesan akan diputuskan oleh Panel SPR dan pemilih yang telah meninggal dunia akan dikeluarkan daripada daftar pemilih.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**DARIPADA : DATUK HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL
RAHMAN (PASIR SALAK)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.06.2008

Datuk Haji Tajuddin bin Abdul Rahman (Pasir Salak) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah yang telah dilakukan oleh syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLCs) dalam usaha melahirkan peniaga-peniaga Bumiputera dan seterusnya mendorong dan membantu mereka menjadi peniaga yang benar-benar berjaya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, agenda pembangunan negara termasuk pembangunan usahawan tempatan dan pembekal Bumiputera merupakan salah satu prinsip yang mendasari Program Transformasi GLC. Bagi memastikan syarikat GLC dapat menterjemahkan hasrat Kerajaan ini, sebuah buku panduan dikenali sebagai Buku Merah telah diterbitkan pada April 2006 berkaitan panduan serta amalan terbaik perolehan. Buku Merah turut menjelaskan bagaimana syarikat GLC boleh membantu vendor tempatan dan Bumiputera.

Antara pendekatan yang digunakan adalah seperti berikut:

bagi memastikan peluang sama rata untuk Bumiputera mengambil bahagian dalam pertumbuhan ekonomi negara, syarikat GLC diwajibkan menetapkan satu sasaran tahunan bagi perolehan barangan tempatan daripada vendor Bumiputera; dan

dalam usaha membangunkan keupayaan vendor-vendor Bumiputera pula, setiap syarikat GLC diwajibkan memperuntukkan beberapa peratus daripada perbelanjaan perolehan tahunan mereka untuk pelaksanaan Program Pembangunan Vendor Bumiputera (BVDP).

Setakat ini, pencapaian beberapa syarikat GLC dalam mendorong penglibatan usahawan Bumiputera adalah memberangsangkan dan di antaranya adalah seperti berikut:

Daripada jumlah keseluruhan perolehan Tenaga Nasional Berhad (TNB) berjumlah RM5.5 bilion bagi tahun 2007, sebanyak 32 peratus atau RM1.8 bilion dianugerahkan kepada vendor-vendor Bumiputera. Dalam tahun yang sama, jumlah vendor di bawah Pembangunan Vendor Bumiputera (BVDP) TNB adalah seramai 251 vendor dan jumlah vendor yang telah lulus BVDP adalah 33 vendor. Menjelang 2010, TNB menyasarkan untuk membangunkan kira-kira 500 vendor di bawah BVDP.

Kumpulan Telekom Malaysia Berhad (TM) telah membelanjakan kira-kira RM7.4 bilion untuk perolehan tahun 2004 sehingga tahun 2007. Daripada jumlah tersebut, secara purata lebih 75 peratus atau RM5.55 bilion dianugerahkan kepada syarikat Bumiputera. Selain itu, TM juga giat dalam usaha pembangunan vendor Bumiputera. Di bawah program Keusahawanan TM, sejumlah 41 kontrak bernilai RM282.1 juta telah diagihkan kepada 29 vendor Bumiputera di antara tahun 2005 sehingga tahun 2007.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
[MACHANG]**

TARIKH : 23 Jun 2008

SOALAN :

Y.B. Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang melaksanakan aktiviti hiliran dan '*supply base*' di Kelantan untuk menyokong aktiviti eksplorasi gas/minyak di kawasan JDA (Joint Development Authority).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk membangunkan aktiviti hiliran atau membina pengkalan khidmat (dengan izin *supply base*) di Kelantan memandangkan aktiviti mencari gali minyak dan gas di Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand (MTJDA) boleh menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pengkalan Bekalan Kemaman.

SOALAN NO: 87

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
(PETALING JAYA SELATAN)

TARIKH : 23 JUN 2008

SOALAN :

MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN
APAKAH RASIONAL BAGI KEMENTERIAN UNTUK
MEWUJUDKAN TOL DI TAMAN MEDAN BAGI NEW
PANTAI EXPRESSWAY (NPE) DI MANA JALAN
YANG SEDIADA HANYA DINAIK TARAF DAN
BUKANNYA PEMBINAAN JALAN YANG BARU.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

**UNTUK MAKLUMAN AHLI BERHORMAT,
KERAJAAN AMAT PRIHATIN DENGAN MASALAH
YANG DIHADAPI OLEH PENDUDUK TAMAN
MEDAN BERHUBUNG ISU TOL YANG DIKENAKAN
DI LEBUHRAYA BARU PANTAI (NPE). PADA MASA
INI KERAJAAN SEDANG BERBINCANG DENGAN
SYARIKAT KONSESI UNTUK SELESAIKAN
MASALAH TOL YANG DIHADAPI OLEH
PENDUDUK DAN SEGALA HASIL PERBINCANGAN
AKAN DI BAWA UNTUK KELULUSAN JEMAAH
MENTERI.**

**PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
PARLIMEN KEDUABELAS (2008) DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Dato' Kamarudin Bin Jaafar

TARIKH : 23 JUN 2008

**: Dato' Kamarudin Bin Jaafar [Tumpat]
minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan tindakan-tindakan Kerajaan
untuk berusaha mewujudkan negara
Palestin yang '*viable*' dalam kadar segera.**

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih di atas soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Tumpat.

2. Mengenai pewujudan negara Palestin yang berdaulat, kita semua sedia maklum bahawa isu ini telah berada di persada agenda politik antarabangsa terlalu lama dan Malaysia sentiasa peka akan

keadaan yang bergolak itu. Setelah sekian lama, tidak terdapat satu negara pun, termasuklah Malaysia, yang mampu menyelesaikan konflik tersebut secara langsung. Namun demikian, ini tidak bererti bahawa kita tidak mahu isu tersebut diselesaikan. Ianya terus masih dan sering dibentangkan ke masyarakat antarabangsa melalui pelbagai forum dunia.

3. Buat masa ini, Malaysia mengambil maklum akan usaha pihak Amerika Syarikat untuk menemukan jalan penyelesaian melalui Persidangan Annapolis yang telah diadakan pada 27 November 2007. Semasa Persidangan Annapolis tersebut persetujuan telah dicapai oleh kedua-dua pihak Palestin dan Israel bagi mengadakan rundingan berterusan agar dapat mewujudkan negara Palestin yang bebas dan berdaulat pada akhir tahun 2008. Persetujuan semasa Persidangan tersebut disaksikan oleh masyarakat antarabangsa, termasuk oleh Malaysia yang turut dijemput menyertai.

4. Berikutan itu, beberapa siri rundingan di antara Palestin dan Israel sedang giat diadakan bertujuan untuk menangani isu-isu teras konflik tersebut yang merupakan penghalang utama pewujudan negara Palestin.

5. Walaupun selepas hampir 7 bulan sejak persetujuan dicapai semasa Persidangan Annapolis, ternyata siri rundingan yang telah diadakan itu tidak mencerminkan perkembangan yang positif kerana isu-isu teras yang harus ditangani membawa pendirian yang begitu berbeza oleh pihak-pihak yang terlibat. Namun, Malaysia akan terus

memainkan peranan sebagai anggota masyarakat antarabangsa untuk menyeru dan menyokong agar rundingan yang diadakan akan membawa kepada penyelesaian akhir konflik tersebut ke arah penubuhan negara Palestin.

6. Pada masa yang sama, Malaysia turut menyeru pihak-pihak yang bertelagah di kalangan Palestin sendiri, iaitu Fatah dan Hamas, untuk mengetepikan perselisihan mereka dan bersatu padu bagi kepentingan rakyat dan negara Palestin.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN

TARIKH : 23 JUN 2008

SOALAN:

Y.B. Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)) telah diwartakan supaya semua jentera dan perancangan NCER dapat digerakkan tanpa sebarang kelewatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, Akta yang berkaitan dengan penubuhan **Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara** atau dengan izin, *Northern Corridor Implementation Authority* (NCIA) telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada bulan Disember 2007 dan telah diwartakan pada **14 Februari 2008** lalu. Penguatkuasaan Akta ini juga telah mendapat persetujuan semua Kerajaan-Kerajaan Negeri yang terlibat dan tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini telah ditetapkan pada 13 Jun 2008.

SOALAN NO: 90

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AMRAN BIN
AB GHANI [TANAH MERAH]

TARIKH : 23 JUN 2008

SOALAN :

BELIAU MINTA MENTERI KERJA RAYA
MENYATAKAN PROJEK MELURUSKAN JALAN
DI KAMPUNG KELEWEK YANG TELAH
DILULUSKAN DALAM RMK-9 -- SEBANYAK
RM5.28-JUTA TELAH DIPERUNTUKKAN PADA

TAHUN 2006 HANYA RM300,000.00
DISALURKAN SETAKAT INI, TETAPI MENGAPA
BELUM ADA APA-APA KEMAJUAN

JAWAPAN:

TUAN YANG DIPERTUA,

**UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT,
JALAN DI KAMPUNG KELEWEK TERLETAK DI
BAWAH BIDANG KUASA KERAJAAN NEGERI
KELANTAN. JKR NEGERI KELANTAN TELAH
MEMOHON PERUNTUKAN SEBANYAK RM5.28
JUTA UNTUK MEMBAIKI JALAN INI DI DALAM
RMK-9. KEMENTERIAN SANGAT PEKA DAN
PRIHATIN TERHADAP KESELAMATAN
PENDUDUK DI KAMPUNG KELEWEK DAN
KEMENTERIAN MELALUI PROGRAM RAWATAN
KAWASAN KERAP BERLAKU KEMALANGAN DI
JALAN NEGERI DAN JALAN BANDARAN TELAH
MELULUSKAN PERUNTUKAN SEBANYAK RM355
RIBU.**

DALAM TAHUN 2007, KEMENTERIAN INI TELAH MERAWAT LOKASI-LOKASI YANG KERAP BERLAKU KEMALANGAN DI JALAN TERSEBUT DENGAN MENAIKTARAF PERSIMPANGAN, MEMASANG LAMPU JALAN DAN MEMASANG PAPAN TANDA AMARAN.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN TAN TEE BENG
(NIBONG TEBAL)
TARIKH : 23.6.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN TAN TEE BENG (NIBONG TEBAL) minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan murid di Sekolah Rendah Kebangsaan Jenis Cina & Tamil bertambah sebanyak 300% sejak tahun 1995 di Nibong Tebal, adakah Kementerian mengambil usaha untuk membenarkan pembinaan SRJK(C) dan SRJK (T) yang baru di kawasan itu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penambahan bilangan murid merupakan fenomena lazim di mana-mana kawasan yang membangun. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan pendidikan yang berkualiti dapat disediakan kepada semua murid. Bagi kawasan Nibong Tebal, KPM telah menambah kapasiti di sekolah-sekolah sedia ada seperti membina blok tambahan di SJKC Chong Kuang, Sungai Bakap. Bagi SJKT pula, 4 buah sekolah sedia ada masih dapat menampung keperluan penduduk setempat.

SULIT

NO. SOALAN: 92

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH : 23 JUN 2008

SOALAN:

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelajar SPM 10A dalam 2007 dan jumlah biasiswa JPA yang ditawarkan. Adakah semua pelajar yang mendapat 10A berjaya mendapat biasiswa tersebut. Kalau tidak, mengapa.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Pada tahun 2008, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menyediakan 2,000 biasiswa di bawah Program Ijazah Luar Negara (PILN) bagi pelajar-pelajar cemerlang lepasan SPM 2007. JPA telah menerima sebanyak 15,220 permohonan bagi program ini dan daripada jumlah itu, seramai 6,100 pemohon telah memperolehi 10 A dan ke atas dalam peperiksaan SPM 2007.

Daripada 2,000 biasiswa yang ditawarkan di bawah PILN 2008, seramai 1,728 orang pelajar yang memperolehi 10 A dan ke atas telah berjaya ditawarkan biasiswa PILN. Berkaitan pelajar yang mendapat 10 1A dalam peperiksaan SPM, JPA memang melaksanakan keputusan Y.A.B. Perdana Menteri seperti yang diumumkan dalam Pembentangan Bajet 2007 supaya semua pelajar yang memperolehi 10 1A dan berada dalam kelompok sosio ekonomi keluarga kurang daripada RM 1,500 sebulan ditawarkan biasiswa

SULIT

NO. SOALAN: 92

secara otomatis setelah memohon dan menghadiri temuduga. Pada tahun ini, seramai 151 orang pelajar di bawah kategori ini telah ditawarkan biasiswa PILN. Selebihnya sebanyak 4,372 orang pemohon yang memperolehi 10 A dan ke atas ini tidak berjaya ditawarkan atas sebab-sebab berikut:

- (i) tidak mendapat markah penuh untuk kriteria pemilihan yang telah ditetapkan iaitu prestasi akademik (70%), ko-kurikulum (10%), sosio ekonomi (10%) dan prestasi temuduga (10%);
- (ii) bidang pilihan pelajar tidak memenuhi kesesuaian kombinasi mata pelajaran yang ditetapkan; dan
- (iii) persaingan yang sengit untuk bidang yang dipohon.

Tuan Yang Di Pertua,

Mengenai tawaran biasiswa kepada semua pelajar cemerlang yang mendapat 10 A wajar diberi kepada mereka tanpa mengenakan syarat tertentu, seperti kegiatan kokurikulum, kedudukan keluarga

SULIT

SULIT

NO. SOALAN: 92

dan prestasi ketika di temu ramah khasnya bagi Program Ijazah Luar Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam telah menyediakan program biasiswa baru yang diperkenalkan pada tahun ini iaitu Program Penajaan Tambahan Pelajar Lulusan SPM 2007.

Program ini diperkenalkan berdasarkan keputusan Kerajaan supaya JPA menaja di dalam negara semua pelajar lulusan SPM 2007 yang memperolehi keputusan 9 A dan ke atas.

Kenyataan rasmi mengenai perkara tersebut telah dikeluarkan melalui kenyataan akhbar Y.Bhg. Ketua Setiausaha Negara pada 2 Mei 2008 yang lalu yang menjelaskan kategori pelajar seperti berikut:

- i. Pelajar-pelajar yang melanjutkan pengajian ke Tingkatan 6 Sekolah Bantuan Penuh Kerajaan dan Pusat-Pusat Matrikulasi di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia termasuk Pusat Asasi Sains Universiti Malaya dan Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Penajaan kepada pelajar-pelajar ini akan diteruskan sehingga ke peringkat ijazah pertama di IPT tempatan;

SULIT

- ii. Pelajar-pelajar yang mendapat tempat di kampus cawangan universiti luar negara di Malaysia seperti *Monash University, Nottingham University, Curtin University of Technology* dan *Swinburne University*.

Bagi penajaan di atas, pelajar yang memperolehi 9 A dan ke atas layak memohon penajaan tersebut. Permohonan telah dibuka secara *online* pada 1 Jun 2008 sehingga 14 Jun 2008 manakala iklan dalam akhbar-akhbar utama tempatan seperti *Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu, New Straits Times* dan *New Sunday Times* telah disiarkan pada 1 & 2 Jun 2008. Bagi Sabah dan Sarawak, iklan disiarkan dalam *Daily Express* pada 4 & 5 Jun dan *Borneo Post* pada 3 & 4 Jun 2008."

Disediakan oleh :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR
(JERAI)**

TARIKH : 23 JUN 2008 (ISNIN)

SOALAN : 93

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar (Jerai) minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan akan membayar pampasan kepada penghuni yang menetap di atas tanah KTM sepanjang Gurun hingga ke Alor Setar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan bersimpati dan bersetuju untuk membayar pampasan kepada setinggan yang terbabit dalam projek ini. Pampasan ini akan dibayar kepada setiap setinggan kediaman di atas tanah KTM yang terlibat di dalam Projek Landasan Berkembar Elektrik Ipoh – Padang Besar. Formula yang diguna pakai dalam pembayaran pampasan ini adalah berdasarkan kepada formula yang sama digunakan ketika pelaksanaan Projek Landasan Berkembar Elektrik Rawang – Ipoh. Formula tersebut adalah seperti berikut :-

- i) bayaran ex-gratia kepada setiap keluarga sebanyak RM 1000.00; dan
- ii) bayaran sewa rumah sebanyak RM 300.00 sebulan untuk tempoh maksimum 2 tahun sementara menantikan projek rumah kos rendah disiapkan.

SOALAN NO: 94

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MOHD NASIR BIN
IBRAHIM FIKRI
[KUALA NERUS]

BERTARIKH : 23 JUN 2008

SOALAN :

DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [KUALA
NERUS] MINTA MENTERI KERJA RAYA
MENYATAKAN PERUNTUKAN LEBUH RAYA
PANTAI TIMUR (LPT) MERANGKUMI JUMLAH,
SUMBER KEWANGAN DAN BILA DIJANGKA SIAP
SEPENUHNYA

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

**UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT,
PROJEK LEBUHRAYA PANTAI TIMUR FASA 2
ADALAH SEBUAH PROJEK YANG DIBIYAI
SECARA 50:50 MENGGUNAKAN PERUNTUKAN
DANA KHAS KERAJAAN PERSEKUTUAN
(DKKP) DAN JUGA PERUNTUKAN
PEMBANGUNAN RMK-9. SILING RMK-9 YANG
DILULUSKAN ADALAH SEBANYAK RM 900
JUTA MANAKALA DARIPADA DANA KHAS
ADALAH SEBANYAK RM 1.3 BILION.
PEMBINAAN PROJEK INI DILAKSANAKAN OLEH
DUA AGENSI IAITU LEMBAGA LEBUHRAYA
MALAYSIA (LLM) DAN JUGA JABATAN KERJA
RAYA (JKR). PROJEK INI DIJANGKA SIAP
SEPENUHNYA PADA AKHIR TAHUN 2010.**

SOALAN: NO. 95

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN CHARLES ANTHONY A/L
R. SANTIAGO
[KLANG]**

**TARIKH JAWAPAN : 23 JUN 2008 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

YB Tuan Charles Anthony A/L R Santiago minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan berapakah pemotongan bekalan air di Selangor W.P. Kuala Lumpur dan Putrajaya pada tahun 2007 dan lima bulan pertama 2008 termasuk pendapatan (revenue) daripada pemotongan air.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada tahun 2007, jumlah pemotongan bekalan air adalah sebanyak 237,655 unit. Jumlah caj terkumpul bagi pemotongan dan penyambungan semula pada tahun tersebut adalah sebanyak RM8.2 juta. Untuk tempoh bulan

Januari hingga Mei 2008, jumlah pemotongan adalah sebanyak 54,033 unit dan caj yang dikenakan adalah berjumlah RM1.9 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja pemotongan bekalan air dan penyambungan semula di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah di bawah tanggungjawab Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS). Ia adalah langkah terakhir bagi pengguna yang tidak menjelaskan bil air.

Bagi kerja-kerja pemotongan dan penyambungan semula ini, Kadar caj yang dikenakan adalah mengikut saiz meter. Bagi pemotongan dan penyambungan semula setiap meter domestik dan rumah kedai, caj yang dikenakan adalah RM50. Kos sebenar bagi kerja-kerja tersebut adalah sebanyak RM79.60. Oleh yang demikian, baki kos sebanyak RM29.60 untuk setiap kerja tersebut adalah ditanggung oleh SYABAS

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 23 Jun 2008

SOALAN:

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** tindakan diambil ke atas Pengerusi SPR bahawa beliau diarahkan oleh Kabinet untuk membatalkan "celup jari" 4 hari sebelum pembuangan undi dan bahawa bersama dengan Peguam Negara dan Ketua Polis Negara telah menipu rakyat bahawa sebab keselamatan memerlukan pembatalannya.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Jemaah Menteri tidak pernah mengarah Pengerusi SPR untuk membatalkan penggunaan dakwat kekal dalam pilihanraya lalu. Walaupun Jemaah Menteri tidak menyokong cadangan penggunaan dakwat kekal tersebut namun Jemaah Menteri hanya meminta Pengerusi SPR menimbangkan perkara tersebut, dengan mengambil kira isu bahawa pelaksanaan dakwat kekal mungkin akan bercanggah dengan Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan. Perkara ini berbangkit di Mesyuarat Jemaah Menteri dua minggu sebelum pembubaran Parlimen.

Peruntukan Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan menjamin hak seseorang pemilih berdaftar untuk mengundi tanpa syarat termasuk syarat mencalit jari dengan dakwat kekal. Hak untuk memilih tidak boleh dinafikan kepada pemilih yang tidak mahu mencalit jari mereka atau mereka yang telah dicalit jarinya. Hak untuk mengundi hanya boleh dinafikan jika pemilih berdaftar hilang kelayakan untuk mengundi di bawah undang-undang.

SPR diberitahu oleh Jemaah Menteri mengenai isu ini dan SPR telah dikembalikan dengan cadangan bahawa mereka akan menyediakan borang sumpah di setiap tempat mengundi bagi mereka yang telah mengundi tetapi tidak mahu dicalit. Jemaah Menteri telah menjawab balik bahawa cadangan ini tidak akan dapat mengelak daripada

pengundian dua kali. Walaupun demikian, keputusan sama ada untuk meneruskan penggunaan dakwat kekal atau tidak masih terletak pada SPR sebagai autoriti yang kompeten dan bebas.

Kerajaan belum bercadang untuk mengambil apa-apa tindakan terhadap Pengerusi SPR atas kenyataan beliau bahawa beliau telah diarah oleh Jemaah Menteri untuk membatalkan penggunaan dakwat kekal. Kerajaan menghormati SPR sebagai badan bebas dan jika ada pencanggahan, Kerajaan akan menjelaskan apa yang berlaku dari sudut pandangan Kerajaan. Namun begitu, Kerajaan benar-benar berharap bahawa SPR akan menjaduhi daripada kenyataan-kenyataan yang mungkin mengelirukan, demi kredibiliti institusi Suruhanjaya dan kewibawaan proses demokrasi dan pilihan raya itu sendiri.

Sekian, terima kasih.